

BUKU PANDUAN UNTUK

TERTUDUH YANG MEWAKILI DIRI SENDIRI

Panduan Mewakili Diri Sendiri di Mahkamah



PRAKATA

Mahkamah Negara amat komited dalam usaha memudahkan serta menyamakan akses kepada keadilan bagi semua pengguna mahkamah. Dalam perkara ini, pengetahuan serta pemahaman terhadap sistem keadilan jenayah adalah penting untuk memastikan tertuduh dapat mewakili diri sendiri dengan lebih berkesan. Kebolehan tertuduh untuk menemui maklumat penting mengenai sistem keadilan jenayah dengan senang menggalakkan akses sedia ada mereka kepada keadilan.

Panduan ini diterbitkan buat pertama kali oleh Mahkamah Negara bersama Pusat Keadilan Masyarakat ("CJC") pada 1 November 2017, untuk memperkasa tertuduh yang mewakili diri sendiri dengan menyediakan maklumat praktikal mengenai prosedur jenayah dan proses mahkamah.

Mahkamah Negara dan CJC berbesar hati dapat bergabung lagi dalam penerbitan edisi kedua Panduan ini, yang telah dikemaskini dengan peningkatan kepada proses-proses keadilan jenayah pada 2018 ekoran Akta Semakan Keadilan Jenayah 2018 dan pemindahan Mahkamah Negara ke Menara Mahkamah Negara.

Saya amat berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Panduan ini atas kerja keras mereka, sokongan tanpa goyah serta dorongan mereka.

Hakim Vincent Hoong

Ketua Hakim Mahkamah Negara

Pengerusi Pusat Keadilan Masyarakat

MUKADIMAH

Ungkapan yang sering diulangi oleh tertuduh yang mewakili diri sendiri ialah dia mendapati proses undang-undang sukar untuk difahami dan dikemudikan. Tertuduh yang mewakili diri sendiri mungkin sering menjadi bingung semasa prosiding dijalankan. Kerap kali, tertuduh yang mewakili diri sendiri terfikir mungkinkah dia dapat menyediakan pembelaan yang lebih baik, kalaulah dia dimaklumkan tentang kerumitan prosiding mahkamah.

Panduan ini bertujuan untuk mengisi kerompongan yang ada dengan membantu tertuduh yang mewakili diri sendiri memahami prosiding jenayah. Tertuduh yang mewakili diri sendiri boleh mendapatkan maklumat komprehensif tentang setiap tahap prosiding jenayah di dalamnya. Ia turut menerangkan kepada tertuduh apa yang mereka dapat jangkakan di setiap peringkat prosiding dan yang lebih penting lagi, ialah bagaimana mereka boleh menyiapkan diri untuk prosiding-prosiding tersebut. Maklumat-maklumat lain seperti etika mahkamah, di mana untuk mendapatkan nasihat guaman dan maklumat tentang Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS) akan juga dijelaskan dalam Panduan ini.

Panduan ini tidak bermaksud menggantikan nasihat guaman. Moga-moga ia dapat memperkasa tertuduh yang mewakili diri sendiri untuk memahami prosiding undang-undang yang dihadapinya. Saya percaya Panduan ini adalah sumber yang amat berharga buat tertuduh yang mewakili diri sendiri.

Encik Chew Kwee San

Anggota Majlis, Yayasan Tan Chin Tuan

Naib Pengerusi Pusat Keadilan Masyarakat

KANDUNGAN

| | |
|--|-----|
| BAB 1: GAMBARAN MENYELURUH | 4 |
| (A) Carta Aliran Proses Jenayah | 5 |
| (B) Bagaimanakah saya boleh menggunakan buku ini? | 6 |
| BAB 2: MAKLUMAT PENTING UNTUK TERTUDUH YANG MEWAKILI DIRI SENDIRI | 8 |
| (A) Perlukah saya gunakan khidmat peguam? | 9 |
| (B) Di manakah saya boleh mendapatkan nasihat guaman? | 10 |
| (C) Sumber Undang-Undang Yang Berguna | 15 |
| (D) Mengaku Salah atau Minta Bicara | 16 |
| (E) Penangguhan | 17 |
| (F) Perihal Jaminan/Bon Peribadi | 19 |
| (G) Etika Mahkamah | 27 |
| BAB 3: MAHKAMAH SEBUTAN | 30 |
| (A) Pengenalan | 31 |
| (B) Prosiding di Mahkamah Sebutan Jenayah | 31 |
| (C) Mahkamah Malam – Kesalahan-Kesalahan Pengaturan dan Trafik Ringan | 35 |
| (D) Mengaku Salah Melalui Surat | 38 |
| BAB 4: PERSIDANGAN SEBELUM PERBICARAAN | 40 |
| (A) Apa itu Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC)? | 42 |
| (B) Bagaimanakah saya menyiapkan diri untuk PTC? | 42 |
| (C) Apakah yang saya perlu jangkakan semasa perbicaraan? | 43 |
| (D) Persidangan Pendedahan Kes Jenayah (CCDC) | 43 |
| BAB 5: PERBICARAAN | 50 |
| (A) Apa itu Perbicaraan? | 51 |
| (B) Bagaimanakah saya menyiapkan diri untuk perbicaraan? | 52 |
| (C) Apa yang berlaku semasa Perbicaraan? | 55 |
| BAB 6: PENGHUKUMAN | 68 |
| (A) Jenis-jenis Hukuman | 69 |
| (B) Mahkamah Masyarakat dan Hukuman Berlandaskan Masyarakat | 75 |
| (C) Prosedur Penghukuman | 80 |
| (D) Perbicaraan Newton | 88 |
| BAB 7: RAYUAN | 90 |
| (A) Apa itu Rayuan? | 91 |
| (B) Prosedur Rayuan | 92 |
| (C) Jaminan sementara menunggu Rayuan | 94 |
| BAB 8: SISTEM PENGURUSAN KES BERSEPADU (ICMS) | 96 |
| BAB 9: SOALAN SERING DITANYA (FAQ) | 98 |
| BAB 10: GLOSARI | 105 |
| BAB 11: PAUTAN BERGUNA | 110 |
| BAB 12: CONTOH BORANG | 112 |

BAB 1


GAMBARAN MENYELURUH

- (A) Carta Aliran Proses Jenayah
- (B) Bagaimanakah saya boleh menggunakan buku ini?

BAB 1

GAMBARAN MENYELURUH

(A) Carta Aliran Proses Jenayah



(B) Bagaimanakah saya boleh menggunakan buku ini?**(1) *Mesti Dibaca***

“Bab 2 – Maklumat penting bagi Tertuduh yang Mewakili Diri Sendiri” mengandungi maklumat penting dan berguna di mana setiap tertuduh yang mewakili diri sendiri harus mengetahuinya. Oleh itu, anda sangat digalakkan membaca Bab 2, tanpa mengira tahap prosiding mana anda berada.

(2) *“Saya hendak tahu apa akan berlaku semasa perbicaraan mahkamah saya”*

Setiap tahap prosiding kes jenayah mempunyai bab khusus untuknya. Jika kes anda kini sedang didengar di Mahkamah Sebutan, anda boleh rujuk kepada “Bab 3 – Mahkamah Sebutan”. Jika kes anda telah ditetapkan untuk “Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC)”, “Bab 4 – Persidangan Sebelum Perbicaraan” adalah relevan untuk anda. Jika anda sedang bersiap untuk perbicaraan, anda perlu rujuk kepada “Bab 5 – Perbicaraan”. Jika anda akan dikenakan hukuman, anda perlu rujuk kepada “Bab 6 – Penghukuman”.

(3) *“Saya hendak mengaku pada pertuduhan”*

Maklumat tentang hukuman dan prosedur hukuman terdapat di “Bab 6 – Penghukuman”.

(4) *“Saya tidak melakukan kesalahan tersebut. Saya hendak lawan kes ini!”*

“Bab 2 – Maklumat penting bagi Tertuduh yang Mewakili Diri Sendiri” mengandungi maklumat berguna untuk anda boleh mendapatkan nasihat guaman, ada di antaranya adalah percuma. “Bab 5 – Perbicaraan” akan memberi anda maklumat tentang proses perbicaraan.

(5) *“Saya kurang senang dengan keputusan mahkamah”*

“Bab 7 – Rayuan” akan memberi anda maklumat tentang bagaimana membuat rayuan.

(6) *“Bagaimana saya e-file dokumen-dokumen saya di mahkamah?”*

Panduan pintas terdapat dalam “Bab 8 – Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS)”

(7) *“Ada beberapa soalan dalam fikiran saya...”*

Anda boleh mendapatkan jawapan dalam “Bab 9 – Soalan Sering Ditanya”. Jika anda tidak menemui jawapan anda, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan Mahkamah Negara di 65878423 atau 1800 JUSTICE (1800 5878423) atau e-melkan pertanyaan anda ke contact@statecourts.gov.sg. Harap maklum bahawa sebagai mahkamah pengadilan, mahkamah tidak dapat memberikan nasihat guaman, membuat komen atau respon kepada pertanyaan mengenai merit mana-mana kes.

(8) *“Saya rasa cemas dan tertekan mengenai kes saya”*

Terdapat bantuan emosi dan sokongan yang disediakan untuk anda. Sila hubungi senarai talian bantuan di “Bab 11 – Pautan Berguna”.

BAB 2

MAKLUMAT PENTING UNTUK TERTUDUH YANG MEWAKILI DIRI SENDIRI

- (A) Perlukah saya gunakan khidmat peguam?
- (B) Di manakah saya boleh mendapatkan nasihat guaman?
- (C) Sumber Undang-Undang Yang Berguna
- (D) Mengaku Salah atau Minta Bicara
- (E) Penangguhan
- (F) Perihal Jaminan/Bon Peribadi
- (G) Etika Mahkamah

BAB 2

MAKLUMAT PENTING UNTUK TERTUDUH YANG MEWAKILI DIRI SENDIRI

(A) Perlukah saya gunakan khidmat peguam?

Sama ada anda ingin mendapatkan peguam atau tidak adalah terserah kepada diri anda. Namun, ia merupakan suatu keputusan penting yang perlu dibuat hanya selepas anda menimbangkan kebaikan dan keburukan yang terdapat pada pilihan anda itu.

Secara umum, apabila anda mewakili diri sendiri, anda perlu membiasakan diri anda dengan (i) prosedur undang-undang dan (ii) undang-undang substantif (iaitu undang-undang itu sendiri dan prinsip-prinsipnya). Panduan ini akan memberi anda maklumat yang diperlukan mengenai prosedur undang-undang. Tetapi, ia tidak akan memberikan sebarang pemahaman tentang undang-undang substantif, khususnya, pembelaan yang tersedia untuk anda secara undang-undang. Jika anda ingin mewakili diri sendiri, adalah penting anda mengetahui tentang pembelaan anda dari segi undang-undang.

Walaupun anda mewakili diri anda sebagai orang awam, mahkamah tidak boleh melonggarkan peraturan dan piawaian prosedurnya untuk anda. Ini bermakna anda mesti bersedia untuk membentangkan kes anda seolah-olah anda adalah litigan yang sah diwakili. Anda juga mesti bersedia untuk bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyiapkan dan menjalankan kes anda sendiri. Hakim boleh membimbing anda mengenai prosedur-prosedur perbicaraan tetapi Hakim tidak boleh bertindak sebagai peguam anda, maksudnya Hakim tidak boleh memberi anda nasihat tentang apa yang anda harus lakukan untuk mewakili diri anda hingga berjaya. Peranan Hakim adalah untuk memastikan anda mendapatkan perbicaraan yang adil.

Jika anda yakin anda boleh mengendalikan prosedur undang-undang dan undang-undang substantif, anda boleh menimbangkan untuk mewakili diri sendiri. Jika tidak, anda boleh menimbangkan untuk mendapatkan peguam atau sekurang-kurangnya, bercakap dengan seseorang peguam sebelum membuat keputusan. Peguam yang baik boleh mengurangkan tekanan anda untuk menyiapkan dan membentangkan kes anda di mahkamah.

(B) Di manakah saya boleh mendapatkan nasihat guaman?

(1) *Guna khidmat Peguam*

Persatuan Peguam Singapura mempunyai senarai nama, alamat dan maklumat berguna bagi semua peguam di Singapura. Anda boleh mengakses direktori ini di www.lawsociety.org.sg. Sila ambil perhatian bahawa mahkamah tidak boleh mencadangkan mana-mana peguam kepada litigan-litigan.

(2) *Skim Bantuan Guaman Jenayah (CLAS)*

Anda mungkin memerlukan khidmat peguam tetapi tidak mampu membayarnya. Tertuduh yang tidak mampu membayar peguam untuk membelanya menghadapi pertuduhan jenayah boleh pergi ke Perkhidmatan Pro Bono Persatuan Peguam untuk Skim Bantuan Guaman Jenayah (CLAS) untuk bantuan.

Peguam sukarela akan dilantik untuk mewakili seseorang tertuduh jika mereka memenuhi kriteria berikut:

(a) Dapat memenuhi ujian kemampuan, termasuk ujian pendapatan dan ujian harta boleh guna.

(b) Niat untuk mengaku salah atau minta bicara bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan statut-statut ini:

- (i) Akta Senjata & Bahan Letupan
- (ii) Akta Kesalahan Senjata
- (iii) Akta Penyalahgunaan Komputer
- (iv) Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan & Senjata Berbahaya
- (v) Akta Bunga Api Berbahaya
- (vi) Akta Kerahan
- (vii) Akta Bahan Letupan
- (viii) Akta Filem
- (ix) Akta Pelbagai Kesalahan (Ketenteraman dan Gangguan Awam)
- (x) Akta Penyalahgunaan Dadah
- (xi) Akta Pemberi Pinjaman Wang (Bab 188) [Seksyen 14 dan 28]
- (xii) Kanun Keseksaan
- (xiii) Akta Pencegahan Rasuah
- (xiv) Seksyen 65(8) dan 140(1)(i) Piagam Wanita
- (xv) Akta Penerbitan Yang Tidak Diingini
- (xvi) Akta Merosak Harta Benda Awam

Anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai CLAS di laman web ini <http://probono.lawsociety.org.sg/Pages/Criminal-Legal-Aid-Scheme.aspx>. Selain itu, anda juga boleh hubungi mereka melalui telefon, e-mel, atau anda pergi ke pejabat mereka.

Alamat: 1 Havelock Square, Aras Bawah Pertama (Basement 1), HELP Centre, Singapore 059724

Telephone: 6536 0650

E-mel: clas@lawsocprobono.org

(3) Klinik Reman

Jika anda kini direman di penjara kerana tidak dapat dijamin, anda boleh hadir Klinik Reman untuk mendapatkan nasihat 20 minit daripada seorang peguam sukarela secara percuma. Tetapi, peguam ini tidak boleh mewakili anda di mahkamah. Tiada ujian kemampuan atau ujian merit untuk klinik ini. Semua orang yang ditahan reman layak dan boleh memohon melalui institusi-institusi yang mereman mereka.

(4) Pusat HELP CJC (Pusat Keadilan Masyarakat)

CJC menawarkan pelbagai program untuk tertuduh yang mewakili diri sendiri.

(a) Skim Nasihat Guaman On-Site

Skim Nasihat Guaman On-Site di Pusat CJC HELP menawarkan nasihat 20 minit daripada seorang peguam sukarela secara percuma dan perkhidmatan ini diadakan setiap Isnin hingga Jumaat dari 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari, dan 2.30 petang hingga 5.30 petang (kecuali Cuti Umum). Sila ambil perhatian bahawa peguam sukarela ini tidak akan mewakili anda di mahkamah. Tiada ujian kemampuan atau merit untuk klinik ini; dan sesiapa sahaja boleh mendapatkannya. Sila ke Pusat CJC HELP untuk maklumat lanjut.

(b) Projek Keadilan Utama (Jenayah)

Anda boleh mendapatkan peguam untuk mewakili anda di Sistem Pengurusan Kes Jenayah¹ (CCMS) atau Persidangan Huraian Kes Jenayah² (CCR) dengan bayaran³. Peguam akan membantu anda untuk membuat representasi kepada Pihak Pendakwa di CCMS dan / atau CCR untuk meminta maklumat mengenai kedudukan dan bukti pihak pendakwa berkenaan dengan kes anda serta untuk membuat perwakilan kepada pihak pendakwa. Untuk melayakkan diri, pendapatan boleh guna tahunan anda mestilah tidak melebihi \$12,000. Sila ke Pusat CJC HELP untuk maklumat lanjut.

¹Sistem Pengurusan Kes Jenayah (CCMS) melibatkan mesyuarat 'tanpa prasangka' antara Pihak Pendakwa dengan peguambela tertuduh untuk meneroka isu-isu penting yang dipertikaikan atau rundingan tawaran pengakuan salah

²Huraian Kes Jenayah² (CCR) melibatkan mesyuarat antara Hakim, pendakwa dan peguambela tertuduh dengan tujuan untuk mencapai persefahaman bersama mengenai isu-isu yang dipertikaikan dalam kes anda dan, jika sesuai, memberi gambaran jenis-jenis hukuman jika sabit kesalahan atau mengaku salah.

³\$300/jam, maksima 3jam + \$100 yuran pentadbiran.

(c) Skim Bimbingan Untuk Pengakuan CJC (GPS)

Skim ini ditawarkan oleh peguam CJC atas dasar pro bono kepada tertuduh yang mewakili diri sendiri dan tidak layak mendapatkan Skim Bantuan Guaman Jenayah. Ada kalanya, tertuduh tidak pasti sama ada dia mempunyai pembelaan yang sah atau haruskah dia mengaku salah. GPS bertujuan membantu tertuduh yang mewakili diri sendiri menjelaskan kebolehjayaan pembelaannya dan tindakannya yang terbaik. Di bawah skim ini peguam tidak akan mewakili tertuduh di mahkamah tetapi akan menumpukan perannya untuk memberi nasihat guaman.

(d) Rakan-Rakan Litigan Perseorangan (FLiP)

Rakan-Rakan Litigan Perseorangan (FLiP) memperlengkapkan Litigan-litigan Perseorangan (LiPs) dengan keyakinan untuk mewakili diri mereka sendiri di mahkamah. Tumpuan utama Program FLiP adalah memberi sokongan emosi dan panduan praktikal kepada litigan mengenai proses asas mahkamah seperti prosedur semasa sidang perbicaraan serta penjelasan mengenai arahan Hakim. Bantuan juga disediakan untuk tertuduh yang melebihi umur 65 tahun atau remaja di bawah 21 tahun yang tidak mempunyai sokongan keluarga dan di mana probesyen bukan satu pilihan. Skim ini hanya sesuai untuk kesalahan-kesalahan yang kurang berat seperti mencuri dan mengganggu ketenteraman awam.

Bantuan Guaman & Sosial

Pusat Keadilan Masyarakat

Aras Bawah Pertama (Basement 1),

Pusat HELP, Menara Mahkamah Negara

Tel: 6557 4100

E-mel: help@cjg.org.sg

Laman web: www.cjc.org.sg

(C) Sumber Undang-Undang Yang Berguna

Berikut adalah beberapa sumber berguna yang anda boleh rujuk jika anda mewakili diri sendiri:

| Sumber | Keterangan | Di mana saya boleh mengaksesnya? |
|---|--|---|
| Kanun Keseksaan | Statut yang menetapkan dan menyatukan undang-undang berhubung dengan kesalahan jenayah | http://statutes.agc.gov.sg |
| Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68) | Statut yang menetapkan undang-undang berhubung dengan prosedur jenayah | http://statutes.agc.gov.sg |
| Akta Penyalahgunaan Dadah | Akta kawalan dadah berbahaya atau bahan yang mudarat dan untuk tujuan yang berkaitan dengannya. | http://statutes.agc.gov.sg |
| Akta Bukti | Akta berhubung dengan undang-undang bukti | http://statutes.agc.gov.sg |
| Buku kecil 'Ketahui Undang-undang' | Penerbitan Persatuan Peguam Singapura yang menerangkan secara mudah bahagian undang-undang yang sering ditemui oleh orang awam | http://probono.lawsociety.org.sg |

Sila ambil perhatian bahawa mahkamah kini bergerak menuju ke arah system memfail tanpa kertas. Ini bermakna semua dokumen yang berkaitan dengan kes, termasuk surat menyurat anda dengan mahkamah dan Pihak Pendakwa, mesti difailkan melalui Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS). Jika anda ingin membela diri, anda harus membiasakan diri anda dengan ICMS. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada 'Bab 8 - Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS)'.

(D) Mengaku Salah atau Minta Bicara

Sebagai tertuduh, isu asas yang perlu anda pertimbangkan ialah sama ada anda ingin mengaku salah, atau minta bicara terhadap pertuduhan-pertuduhan⁴ anda. Jadual di bawah menjelaskan perbezaan antara mengaku salah atau minta bicara.

| Minta Bicara | Mengaku salah |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▶ Anda mempertikaikan pertuduhan-pertuduhan terhadap anda ▶ Anda tidak bersetuju dengan fakta penting yang dinyatakan dalam Keterangan Fakta (SOF) ▶ Tarikh perbicaraan ditetapkan agar Pihak Pendakwa dapat membuktikan pertuduhan-pertuduhan tersebut dan untuk anda membela diri anda | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Anda mengaku melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan ▶ Anda setuju dengan fakta-fakta penting seperti yang dinyatakan dalam Keterangan Fakta (SOF) ▶ Anda akan disabitkan kesalahan oleh Hakim tanpa perbicaraan jika fakta yang diterima mengakibatkan setiap unsur pertuduhan ▶ Anda tidak dibenarkan melawan pertuduhan tersebut atau minta bicara selepas anda disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman ▶ Anda boleh merayu terhadap hukuman anda tetapi bukan terhadap sabitan ▶ Anda mungkin mendapat potongan hukuman jika mengaku salah di peringkat awal |

⁴Pertuduhan adalah dokumen rasmi yang disediakan oleh Pihak Pendakwa. Ia mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan jenis kesalahan yang didakwa telah dilakukan oleh seseorang tertuduh.

Anda boleh mengaku salah di mana-mana peringkat prosiding sebelum Hakim mengumumkan keputusannya. Pertimbangkan pilihan anda dengan teliti sebelum memutuskan sama ada anda mahu minta bicara atau mengaku salah.

Jika anda memilih untuk mengaku salah di mahkamah, Pihak Pendakwa akan membacakan keterangan fakta yang berkaitan dengan pertuduhan, dan menyebut apa-apa rekod jenayah yang mungkin anda miliki. Jika anda setuju dengan keterangan fakta tersebut, pengakuan anda akan diterima oleh mahkamah. Mahkamah akan mencatatkan pengakuan salah anda serta pengakuan fakta-faktanya dan kemudian, mensabitkan kesalahan anda.

Setelah disabitkan kesalahan, anda boleh membuat rayuan peringanan sebelum mahkamah terus menjatuhkan hukuman. Maklumat mengenai hukuman dan rayuan peringanan terdapat dalam Bab 6 – Penghukuman.

(E) Penangguhan


Penangguhan ialah penundaan sidang mahkamah ke tarikh yang lain. Permohonan untuk penangguhan boleh dibuat oleh anda atau Pihak Pendakwa. Permintaan penangguhan perlu disokong dengan alasan yang munasabah; jika tidak, mahkamah mungkin tidak bersedia mengizinkan penangguhan ini. Mana-mana pihak boleh membantah terhadap penangguhan tersebut. Mahkamah akan memutuskan sama ada untuk memberi penangguhan hanya selepas mahkamah mendengar kedua-dua belah pihak.

Berikut adalah beberapa sebab yang biasa disampaikan kepada mahkamah untuk menyokong permintaan bagi penangguhan:

| Oleh Pihak Pendakwa | Oleh Tertuduh |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▶ Untuk siasatan lanjut ▶ Memohon untuk mendapatkan laporan seperti laporan perubatan atau laporan dari Penguasa Sains Kesihatan ▶ Untuk mendapatkan arahan dari Peguam Negara mengenai kes tersebut | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Untuk berjumpa / guna khidmat peguam, termasuk permohonan kepada CLAS ▶ Untuk membuat representasi kepada Pihak Pendakwa ▶ Untuk mengumpul dana ▶ Untuk mengkompaun perkara tersebut |
| <ul style="list-style-type: none"> ▶ Untuk menyemak semula dan membalas representasi yang dibuat tertuduh | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Untuk menyelesaikan urusan peribadi sebelum menjalani hukuman |

Anda boleh membuat permohonan untuk penangguhan melalui cara-cara berikut:-


- (a) **Permohonan Secara Lisan:** Beritahu Hakim semasa perbicaraan di mahkamah. Jika permintaan anda untuk penangguhan diluluskan, anda akan menerima slip sebutan (*mention slip*) yang menyatakan tempat, tarikh dan masa untuk perbicaraan anda di mahkamah yang seterusnya.
- (b) **Permohonan Dalam Talian:** Failkan permohonan dalam talian untuk menjadualkan semula tarikh perbicaraan Mahkamah di Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS). Anda boleh mengakses ICMS melalui internet atau dengan menggunakan kiosk ICMS yang terletak di Mahkamah Negara. Sila pantau keputusan permohonan anda secara log masuk ke ICMS menggunakan SingPass anda untuk memeriksa status permohonan tersebut. Jika permohonan anda diluluskan, tarikh dan masa yang baharu untuk perbicaraan mahkamah akan ditunjukkan di ICMS. Jika permohonan anda ditolak, anda MESTI menghadiri perbicaraan mahkamah pada tarikh asal yang telah dijadualkan. Jika anda terlepas hari perbicaraan mahkamah ini, Waran Tangkap boleh dikeluarkan terhadap anda. Untuk maklumat lanjut tentang ICMS, rujuk kepada 'Bab 8 - Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS)'.



(F) Perihal Jaminan/Bon Peribadi

(1) *Apa itu Jaminan/Bon Peribadi?*

Apabila anda diberkas dan didakwa di mahkamah, anda akan direman sementara menunggu pelupusan kes melainkan mahkamah melepaskan anda dengan jaminan dan/atau bon peribadi.



Jaminan/bon peribadi diluluskan



Tertuduh dibebaskan dari lokap

Jika jaminan diberikan dan seseorang selain diri anda (penjamin/bailor) sanggup dan dapat menyediakan jaminan bagi jumlah yang diperintahkan oleh mahkamah (jumlah jaminan), maka anda akan dibebaskan dengan jaminan. **Selepas itu, penjamin anda mempunyai tanggungjawab untuk memastikan anda menghadiri mahkamah seperti yang diperlukan.**

Jika bon peribadi ditawarkan, anda perlu memberi jaminan bagi jumlah wang yang diperintahkan oleh mahkamah (jumlah bon) sebelum anda boleh dibebaskan dengan bon peribadi. Anda mempunyai tanggungjawab untuk pastikan anda menghadiri mahkamah seperti dikehendaki.

Mahkamah juga boleh membebaskan anda dengan bon peribadi dan jaminan (contohnya bagi \$X + \$Y dalam jaminan), yang mana mahkamah boleh memerintahkan agar jaminan itu diberikan dalam jumlah \$X oleh penjamin/‘surety’ dan bon peribadi dalam jumlah \$Y. Dalam keadaan sedemikian, kedua-dua penjamin dan anda akan bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran anda di mahkamah seperti yang dikehendaki.

(2) Syarat-syarat Jaminan/Bon Peribadi

Lazimnya jaminan akan diluluskan dengan syarat-syarat tertentu. Anda mesti patuhi syarat-syarat jaminan. Jika tidak, jaminan anda boleh dibatalkan. Syarat-syarat berikut akan dikenakan apabila mahkamah menawarkan jaminan, melainkan jika mahkamah menetapkan sebaliknya:

- (a) Anda mesti menyerahkan dokumen perjalanan anda.
- (b) Anda perlu menyerahkan diri untuk berada dalam tahanan, sedia untuk disiasat, atau hadirkan diri di mahkamah seperti dikehendaki.

- (c) Anda tidak boleh melakukan apa-apa kesalahan sewaktu dijamin keluar atau diberikan bon peribadi.
- (d) Anda tidak harus mengganggu mana-mana saksi atau menghalang proses keadilan.
- (e) Berkaitan jaminan, penjamin anda tidak boleh seseorang tertuduh bersama dalam perkara yang sama.

Syarat-syarat lain yang biasanya dikenakan termasuk:

- (a) Anda tidak dibenarkan menghubungi mangsa secara langsung atau tidak langsung.
- (b) Anda perlu menghadiri sesi rawatan yang dinyatakan oleh mahkamah (sementara menunggu keputusan kes)
- (c) Anda mesti tertakluk pada pemantauan elektronik.

Bagi pesalah di bawah umur 21 tahun, mahkamah lebih berkemungkinan untuk menawarkan jaminan daripada bon peribadi, dan beberapa syarat tambahan yang boleh dikenakan adalah:

- (a) Hanya ibubapa atau penjaga tertuduh dibenarkan menjadi penjamin mereka.
- (b) Perintah berkurung mengikut masa boleh dikenakan kepada tertuduh untuk berada di dalam rumah.
- (c) Tertuduh dikehendaki menghadiri sekolah/perkhidmatan negara.

(3) *Bagaimanakah jumlah jaminan/bon peribadi ditentukan?*

Apabila isu jaminan ditimbulkan, Pihak Pendakwa mungkin menyarankan jumlah yang sesuai kepada Hakim untuk dipertimbangkan. Jika anda rasa jumlah tersebut terlalu tinggi, anda boleh minta ia dikurangkan dan jelaskan sebab-sebabnya kepada Hakim. Hakim kemudiannya akan menetapkan jumlah jaminan/bon peribadi tersebut. Perkara yang dipertimbangkan oleh Hakim yang mempengaruhi jaminan termasuk:

- (a) Jenis, jumlah, dan berat pertuduhan.
- (b) Berat hukuman yang ditentukan untuk kesalahan.
- (c) Perwatakan, kemampuan dan taraf kedudukan tertuduh.
- (d) Sama ada terdapat risiko yang tertuduh akan lari meninggalkan negara.

(4) *Apakah jenis cagaran jaminan yang boleh digunakan?*

Berikut ialah panduan umum mengenai bagaimana mahkamah mungkin mahukan jaminan dicagarkan:

- (a) Bagi jaminan/bon berjumlah \$15,000 dan ke bawah, jaminan boleh diberikan dengan mengikrarkan harta benda peribadi, termasuk barang kemas atau perabot rumah (asalkan barang ini semua telah dibayar sepenuhnya).
- (b) Bagi jumlah jaminan/bon melebihi \$15,000, jaminan umumnya disediakan dengan wang tunai atau yang setara (seperti perintah juruwang (cashier's order)).

(5) *Siapakah yang boleh menjadi penjamin saya?*

Kecuali mahkamah memerintahkan sebaliknya, mana-mana warganegara Singapura atau penduduk tetap melebihi umur 21 tahun dan pada masa ini tidak diisytiharkan muflis atau mempunyai sebarang pertuduhan jenayah.

Mahkamah mempunyai keputusan muktamad sama ada seseorang itu dibenarkan menjamin. Contohnya, jika mahkamah tidak yakin bahawa penjamin boleh memastikan kehadiran anda di mahkamah, penjamin tersebut tidak dibenarkan menjamin anda.

(6) *Bagaimanakah penjamin saya boleh menjamin saya keluar?*

Sekiranya jaminan ditawarkan, anda akan dibenarkan membuat dua panggilan telefon dalam negara untuk mendapatkan penjamin. Apabila jaminan diberikan, anda perlu fikirkan beberapa orang yang boleh dihubungi untuk tujuan jaminan.

Orang yang bersedia menjadi penjamin anda (penjamin yang dicadangkan) harus pergi ke Pusat Jaminan di aras 4, Menara Mahkamah Negara. Semasa memproses jaminan Pegawai Jaminan akan menemu duga penjamin yang dicadangkan itu untuk menerangkan syarat-syarat jaminan kepadanya dan untuk memastikan semua syarat-syarat tersebut boleh dipatuhi.

Apabila penjamin yang anda cadangkan memahami tanggungjawab dan bersetuju untuk menjamin, Pusat Jaminan akan membawa beliau ke hadapan Majistret untuk menerangkan terma dan syarat jaminan tersebut. Majistret boleh menolak permohonan tersebut jika Majistret rasa penjamin yang dicadangkan itu tidak sesuai untuk menjadi penjamin. Tetapi, jika permohonan ini diluluskan, persiapan akan dilakukan untuk anda dibebaskan.

(7) *Bagaimanakah saya menyediakan bon peribadi untuk pelepasan saya sendiri?*

Sekiranya bon peribadi ditawarkan, seorang pegawai Pusat Jaminan akan menemu duga anda untuk menerangkan syarat-syarat bon peribadi, dan untuk memastikan sama ada anda dapat menyediakan jaminan untuk bon tersebut. Jika permohonan diluluskan, anda akan dibebaskan.

(8) *Apakah waktu operasi Pusat Jaminan?*

Sila ambil perhatian bahawa waktu Pusat Jaminan beroperasi seperti berikut:

Isnin hingga Khamis

8.30 pagi hingga 1.00 petang (pendaftaran terakhir pada 12.30 petang)

2.00 petang hingga 6.00 petang (pendaftaran terakhir pada 5.00 petang)

Jumaat

8.30 pagi hingga 1.00 petang (pendaftaran terakhir pada 12.30 petang)

2.00 petang hingga 5.30 petang (pendaftaran terakhir pada 4.30 petang)

Sabtu

8.30 pagi hingga 1.00 petang (pendaftaran terakhir pada 12.00 tengah hari)

Sila beritahu penjamin untuk mendaftar di Pusat Jaminan sebelum waktu penamat. Jika penjamin gagal melakukan demikian, permohonan jaminan hanya boleh didaftar untuk diproses pada hari bekerja berikutnya. Jika ini berlaku, anda akan berada dalam reman sehingga jaminan anda diproses dan diluluskan.

(9) *Apa akan berlaku jika saya melanggar syarat-syarat jaminan/bon peribadi?*

Anda dilarang melanggar syarat-syarat jaminan/bon peribadi. Jika anda melakukannya, jaminan/bon peribadi anda akan direman sementara menunggu perbicaraan. Jika anda melanggar syarat-syarat jaminan anda, penjamin anda perlu datang ke mahkamah. Jika mahkamah berpuas hati bahawa anda tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk tidak hadir mahkamah seperti

yang dikehendaki, maka penjamin anda mungkin akan dipanggil untuk menerangkan sebab kenapa mahkamah tidak harus melucut hak bon jaminan dan/atau diperintahkan untuk membayar jumlah jaminan tersebut. Jika tiada sebab munasabah untuk menjelaskan kegagalan anda menghadirkan diri ke mahkamah, penjamin anda berkemungkinan kehilangan wang atau harta benda yang beliau telah cagarkan untuk jaminan.

Sekiranya anda melanggar syarat-syarat bon peribadi, bon anda akan dibatalkan, dan anda akan dikehendaki membayar keseluruhan jumlah yang dirampas kecuali anda dapat menjelaskan mengapa anda tidak perlu membayar jumlah wang yang dirampas.

Sekiranya mahkamah membatalkan jaminan atau bon peribadi, dan memerintahkan pembayaran semua atau sebahagian daripada jumlah bon, pembayaran hendaklah dibuat oleh penjamin, atau orang tertuduh seperti yang dikehendaki. Sekiranya tidak, mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara kepada penjamin atau orang tertuduh, mengikut kes berkenaan, selama tempoh tidak melebihi 12 bulan. Jaminan anda boleh dibatalkan dan wang jaminan dirampas.

Jika anda melanggar syarat-syarat jaminan anda, jaminan anda mungkin akan dibatalkan dan jumlah jaminan dirampas.

(10) Bagaimanakah boleh saya boleh mohon untuk keluar dari Singapura semasa dalam jaminan?

Anda boleh membuat permohonan rasmi secara bertulis, permohonan secara dalam talian di ICMS, ataupun dengan menyerahkan borang permohonan standard yang sedia ada di Pusat Jaminan yang terletak di aras 4, Menara Mahkamah Negara. Permohonan tersebut mesti menyebut dengan jelas butiran, tarikh mahkamah, tarikh persidangan sebelum perbicaraan (PTC), tarikh perbicaraan, nombor mahkamah di mana kes anda diaturkan, tempoh, tempat tujuan dan tujuan perjalanan.

Setelah permohonan dibuat, Hakim akan mempertimbangkan permohonan tersebut. Jika Hakim bersetuju untuk mendengar permohonan anda, anda akan diberitahu tarikh untuk hadirkan diri di mahkamah.

Pada hari kes anda disebut di mahkamah, anda dan penjamin mesti hadir dan menyatakan sebab-sebab permohonan dibuat. Anda mesti memberitahu mahkamah destinasi dan tarikh anda akan keluar dan pulang ke Singapura. Penjamin anda juga mesti memberi keizinannya sebelum mahkamah pertimbangkan permohonan anda. Pihak Pendakwa akan diberi peluang untuk menyatakan pendirian mereka mengenai permohonan berkenaan.

Setelah mendengar kedua-dua pihak, mahkamah boleh menolak atau meluluskan permohonan, tergantung pada syarat-syarat tertentu. Pihak Pendakwa boleh memohon agar jaminan anda dinaikkan jumlahnya jika permohonan untuk keluar negara diluluskan. Kemudian mahkamah pula akan memutuskan sama ada meluluskan permohonan tersebut atau tidak.

Bagi permohonan dalam talian menerusi ICMS, maklumat yang sama seperti sebab permohonan dibuat dan perincian perjalanan luar negara perlu dilengkapkan. Bagi permohonan kali pertama, anda boleh memohon tarikh kes anda disebut daripada pilihan senarai tarikh-tarikh yang tersedia. Pada hari kes anda disebut di mahkamah, Hakim akan memutuskan sama ada untuk meluluskan permohonan keluar negara (LEJUR) tersebut atau tidak. Selepas kes anda disebut di mahkamah, dan jika permohonan LEJUR pertama diluluskan, dan penjamin mengizinkan permohonan-permohonan LEJUR seterusnya, sebarang permohonan selanjutnya yang dilakukan melalui ICMS akan disalurkan ke Mahkamah Negara untuk dipertimbangkan, tanpa perlu kehadiran pihak-pihak yang terlibat datang ke mahkamah. Sila pantau status permohonan anda secara log masuk ke ICMS menggunakan SingPass anda. Jika permohonan anda tidak dibenarkan, anda akan diberitahu bahawa anda tidak dibenarkan keluar Singapura.

(G) Etika Mahkamah

Anda dikehendaki mematuhi etika asas mahkamah apabila anda menghadiri perbicaraan mahkamah. Di sini ada beberapa garis panduan untuk membantu anda.

| | Perkara yang boleh dilakukan | Perkara dilarang dilakukan |
|---|---|--|
| Persiapan: Ketepatan Waktu & Pakaian | HARAP datang awal untuk melalui pemeriksaan sekuriti | JANGAN terlepas tarikh mahkamah. Waran Tangkap boleh dikeluarkan jika anda gagal menghadirkan diri ke mahkamah |
| | HARAP kenakan pakaian yang sesuai; pakaian pejabat disarankan | JANGAN memakai pakaian kasual atau terdedah/ menjolok mata yang boleh menimbulkan kemarahan |
| | SILA ke Kaunter Maklumat (yang terletak di aras 1) jika anda memerlukan bantuan | JANGAN masuk ke bilik mahkamah yang salah |
| | SILA bawa 4 salinan bagi semua dokumen (untuk Hakim, Pihak Pendakwa, para saksi, dan anda sendiri) yang anda hendak gunakan sebagai bahan bukti pada tarikh perbicaraan | JANGAN memakai alas kepala yang tiada tuntutan agama seperti topi keledar, topi atau kaca mata hitam ke mahkamah |

| | Perkara yang boleh dilakukan | Perkara dilarang lakukan |
|---|--|---|
| Persiapan: Ketepatan Waktu & Pakaian | Sila bawa kad pengenalan, permit kerja, pasport, atau apa-apa dokumen rasmi asal yang lain yang boleh digunakan untuk identifikasi diri anda | JANGAN memakai alas kaki yang terbuka, seperti selipar |
| Perkara yang perlu dilakukan apabila anda tiba di mahkamah | SILA pastikan anda berada di bilik mahkamah yang betul | JANGAN berbual dengan kuat setelah memasuki bilik mahkamah |
| | SILA maklumkan pegawai mahkamah setelah sampai di mahkamah, terutama sekali jika anda datang untuk perbicaraan | HARAP sabar dan tunggu giliran anda dipanggil |
| | SILA pastikan anda matikan telefon bimbit anda atau letakkan ke mod senyap | JANGAN jawab panggilan telefon atau membalas mesej ketika mahkamah sedang bersidang |
| Kelakuan umum di bilik mahkamah | SILA tunduk ke arah Jata Negara apabila anda masuk dan keluar bilik mahkamah ketika mahkamah sedang bersidang | JANGAN ambil gambar atau rakaman suara atau video |
| Merujuk pihak lain di bilik mahkamah | SILA rujuk kepada Hakim sebagai "Yang Arif" | JANGAN gunakan kata-kata yang kurang sopan, menghina atau kesat di mahkamah |
| | SILA rujuk kepada Pihak Pendakwa sebagai "Pendakwa yang arif" | |

| | | |
|--|--|--|
| Merujuk pihak lain di bilik mahkamah | SILA rujuk kepada para saksi dengan nama keluarga mereka, seperti Cik Tan atau Cik Kamala | JANGAN gunakan kata-kata yang kurang sopan, menghina atau kesat di mahkamah |
| Bercakap di mahkamah | HARAP bercakap dengan jelas dan perlahan ke mikrofon kerana segala pertuturan di mahkamah akan dirakam | JANGAN bercakap secara tidak jelas |
| | HARAP tunggu jurubahasa selesai menterjemah sebelum menyambung balik ayat anda | JANGAN gunakan bahasa yang bercampur-aduk jika anda bercakap dengan bantuan jurubahasa |
| | HARAP tunggu soalan dikemukakan sepenuhnya sebelum anda menjawab | JANGAN mencelah apabila orang lain sedang bercakap, terutama sekali pertuturan Hakim. Tunggu giliran anda untuk bercakap |
| Beri penjelasan atau dapatkan kepastian | JIKA anda ingin menjelaskan jawapan anda, pastikan anda minta izin Hakim secara hormat | JANGAN takut untuk mendapatkan kepastian jika anda tidak memahami apa-apa soalan |
| | TULIS butiran tarikh mahkamah yang seterusnya | JANGAN minta Hakim untuk memberikan nasihat guaman; mahkamah tidak dibenarkan berbuat demikian |

BAB 3

MAHKAMAH SEBUTAN

- (A) Pengenalan
- (B) Prosiding di Mahkamah Sebutan Jenayah
- (C) Mahkamah Malam – Kesalahan-Kesalahan Pengaturan dan Trafik Ringan
- (D) Mengaku Salah Melalui Surat

BAB 3

MAHKAMAH SEBUTAN

(A) Pengenalan

Mahkamah Sebutan Jenayah adalah mahkamah pertama di mana tertuduh perlu hadir untuk didakwa secara formal dan memberi pengakuan (sama ada mengaku salah atau tidak). Mahkamah Sebutan Jenayah termasuk Mahkamah Sebutan waktu siang dan Mahkamah Sebutan malam (Night Courts).

Menghadirkan diri di mahkamah adalah wajib. Jika anda gagal untuk hadir, Waran Tangkap boleh dikeluarkan terhadap anda. Jika anda gagal untuk hadir ketika anda dalam jaminan, penjamin anda perlu menerangkan kepada mahkamah mengapa jaminan tersebut tidak harus dirampas.

(B) Prosiding di Mahkamah Sebutan Jenayah

(1) Dipanggil untuk Sebutan

Ini adalah proses peringkat pertama. Anda akan dibawa ke Mahkamah Sebutan setelah Pihak Pendakwa bersedia mendakwa anda secara rasmi. Anda perlu hadir di Mahkamah Sebutan yang tertera di Notis, Saman atau Bon Jaminan yang diberikan kepada anda. Ia juga menyatakan tarikh dan masa anda harus hadir di mahkamah.

Jika anda didakwa secara persendirian, sila bawa dokumen pengenalan yang mengandungi butiran peribadi dan gambar anda (seperti Kad Pengenalan atau lesen memandu). Jika anda mewakili syarikat yang didakwa, sila bawa dokumen pengenalan anda dan Surat Kuasa yang sah daripada syarikat berkenaan.⁵

Amatlah penting anda membawa dokumen pengenalan yang bergambar untuk mengesahkan identiti anda.

(2) Sebelum Sebutan

Bila tiba di Mahkamah Negara, anda boleh mendapatkan bantuan di Kaunter Maklumat bagi mencari lokasi Mahkamah Sebutan berkenaan.

(3) Sewaktu Sebutan

Di Mahkamah Sebutan, anda akan melihat banyak kes lain yang dibicarakan. Nama anda akan dipanggil dan anda perlu berdiri serta menunjukkan dokumen pengenalan anda kepada pegawai mahkamah. Kemudian, anda akan disuruh berdiri di dalam kandang tertuduh. Sebelum pertuduhan dibacakan, seorang jurubahasa akan bertanya bahasa pilihan anda. Pertuduhan dan hukuman yang ditentukan akan dibacakan dalam bahasa yang anda pilih. Pastikan anda faham pertuduhan dan hukuman yang boleh dijatuhkan kepada anda. Kalau anda tidak faham, jangan takut untuk bertanya untuk mendapatkan penjelasan.

⁵ Surat Kuasa (LA) harus mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Seksyen 117(6) Kanun Prosedur Jenayah. LA harus dicetak dengan menggunakan kepala surat syarikat dan ditandatangani oleh pengarah/rakan kongsi, pengurus, setiausaha syarikat atau pegawai lain di dalam syarikat tersebut. Bagi persatuan yang tidak diperbadankan, presiden, setiausaha atau mana-mana ahli jawatankuasa harus menandatangani LA tersebut.

(4) Setelah pertuduhan-pertuduhan dibacakan

Setelah pertuduhan-pertuduhan dibacakan kepada anda, Hakim mungkin akan membuat perintah-perintah berikut:-

- (a) **Mengarahkan untuk pengakuan diambil (ambil pengakuan)** – Ini bermakna mahkamah akan bertanya sama ada anda ingin mengaku salah atau minta bicara. Untuk maklumat lanjut tentang mengaku salah lawan minta bicara, sila rujuk Bab 2(D) mengenai “Mengaku Salah lawan Minta Bicara”.
- (b) **Perintah Reman** – Reman adalah apabila tertuduh ditahan dalam jagaan. Ada 2 senario di mana anda boleh direman:
- (i) Dalam senario pertama, Pihak Pendakwa boleh memohon anda direman supaya siasatan dapat dijalankan. Mahkamah akan pertimbangkan sama ada mengizinkan permohonan ini berdasarkan merit dan mengikut prinsip undang-undang yang ditubuhkan. Jika mahkamah berpuas hati perintah tersebut adalah bertepatan, perintah reman akan dibuat.
 - (ii) Dalam senario kedua, bagi kes-kes yang tiada tawaran jaminan atau jaminan ditawarkan tetapi tidak disediakan oleh anda, anda akan direman di dalam penjara sehingga jaminan ini digunakan atau kesnya selesai, mengikut mana yang lebih dahulu.
- (c) **Menangguhkan kes ke tarikh kemudian** – Ini selalunya terjadi apabila anda atau Pihak Pendakwa memohon penangguhan kes. Permohonan ini akan dipertimbangkan berdasarkan merit dan mengikut undang-undang. Untuk maklumat lanjut mengenai penangguhan, sila rujuk Bab 2(E) mengenai “Penangguhan”.

(5) *Apa yang akan berlaku jika saya mengaku salah (PG)?*

Untuk kes-kes tertentu, jika anda membuat keputusan untuk mengaku bersalah, Mahkamah Sebutan boleh mendengar kes tersebut dan memutuskan sama ada anda bersalah atas pertuduhan tersebut, dan menjatuhkan hukuman terhadap anda. Jika tidak, Mahkamah Sebutan selalunya akan memindahkan kes anda ke Mahkamah Penghukuman (lazimnya disebut sebagai Mahkamah Mengaku Salah atau PG Courts). Perbicaraan anda seterusnya dinamakan sebagai Sebutan Mengaku Salah (PG Mention). Mahkamah Sebutan akan memaklumkan tarikh, waktu dan tempat PG Mention seterusnya. Untuk maklumat mengenai Penghukuman, sila rujuk Bab 6 – Penghukuman.

(6) *Apa yang akan berlaku jika saya minta bicara?*

Sekiranya anda minta dibicara, kes anda akan ditetapkan untuk Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC). Kes anda akan dipindahkan dari Mahkamah Sebutan ke Pusat PTC. Mahkamah Sebutan akan memaklumkan tarikh, waktu dan tempat PTC seterusnya. Untuk maklumat lanjut mengenai PTC, sila rujuk Bab 4 - Persidangan Sebelum Perbicaraan.

(7) *Jika kes anda ditangguh*

Jika kes anda ditangguh ke hari yang lain, Hakim akan memutuskan sama ada anda boleh dijamin keluar sehingga hari perbicaraan seterusnya. Jaminan selalunya diberikan kecuali ada sebab munasabah yang mengatakan anda akan gagal hadir di hari perbicaraan seterusnya atau melakukan kesalahan lain sewaktu dijamin. Jaminan yang sedia ada mungkin dilanjutkan atau anda mungkin ditawarkan jaminan mahkamah. Anda perlu membawa seorang ahli keluarga atau teman warganegara Singapura bila pertama kali anda dihadapkan di Mahkamah Sebutan kerana anda mungkin memerlukan seseorang untuk menjamin anda. Untuk maklumat mengenai jaminan, sila rujuk Bab 2(F) – Jaminan.

(C) Mahkamah Malam – Kesalahan-Kesalahan Pengaturan dan Trafik Ringan

(1) *Kenapa sebutannya diadakan pada waktu malam?*

Sebutan untuk kesalahan-kesalahan pengaturan dan trafik ringan selalunya diuruskan di Mahkamah Malam. Mahkamah Malam dimulakan pada tahun 1992 dan berfungsi pada waktu malam untuk kemudahan orang awam hadir di mahkamah, bagi membantu mereka yang mungkin perlu mengambil cuti daripada kerja pada siang hari.

Prosiding untuk kesalahan-kesalahan pengaturan dan trafik ringan selalunya bermula dengan Notis untuk Hadir ke Mahkamah (Notis) atau surat Saman. Tempat, tarikh dan waktu untuk anda hadir ke mahkamah untuk Sebutan akan dinyatakan di dalam Notis atau surat Saman.

Adalah penting anda ambil tahu tentang setiap tarikh mahkamah yang anda dikehendaki hadir. Jika anda gagal untuk hadir, Waran Tangkap akan dikeluarkan terhadap anda. Untuk kes-kes tertentu, anda mungkin tidak dibenarkan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu sehingga kes anda tamat atau selama sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah. Selain itu, penjamin anda perlu menerangkan kepada mahkamah kenapa jumlah jaminan anda tidak harus dirampas.

Jika anda gagal hadir ke mahkamah, Waran Tangkap akan dikeluarkan terhadap anda.

(2) *Kompaun bagi Kesalahan di Mahkamah Malam*

Anda boleh kompaun kesalahan jika ia ditawarkan oleh Agensi Pendakwa. Anda harus membuat bayaran sebelum tamat tarikh tawaran kompaun tersebut dan juga sebelum tarikh anda hadir di Mahkamah Malam. Jika tidak, anda perlu hadir di Mahkamah Malam. Jika anda disabit kesalahan di mahkamah, denda mahkamah yang dikenakan adalah lebih tinggi berbanding kompaun yang ditawarkan. Oleh itu, lebih baik jika anda periksa sama ada kes anda boleh dikompaun dan jika anda dibenarkan membayar kompaun, bayarlah secepat mungkin.

Bagi kesalahan-kesalahan trafik ringan dan meletak kenderaan yang didakwa oleh Polis Trafik, Penguasa Pengangkutan Darat, Lembaga Pembangunan dan Perumahan, dan Penguasa Pembangunan Semula Bandar, anda boleh membayar kompaun melalui Sistem Automatik Pengurusan Kesalahan Trafik (ATOMS) di setiap kios AXS di seluruh Singapura atau melalui laman web atau aplikasi AXS. Bayaran melalui AXS boleh dibuat dengan NETS dan kad kredit, dan ini adalah cara yang lebih mudah untuk membayar denda kompaun.

Namun, biasanya anda diberi tempoh yang ditetapkan untuk membayar denda kompaun. Jika tempohnya telah tamat, anda perlu:

- (a) Mengaku salah dan membayar denda mahkamah menerusi ATOMS (jika ini dibolehkan bagi kesalahan anda) atau
- (b) Hadir di Mahkamah Malam untuk mengaku salah.

Tawaran kompaun boleh dibatalkan oleh Agensi Pendakwa. Misalnya, apabila anda gagal hadir ke mahkamah dan Waran Tangkap dikeluarkan terhadap anda. Oleh itu, bayar kompaun anda dengan segera selagi tempohnya masih ada.

(3) *Bagaimana jika saya perlukan sedikit masa sebelum saya boleh membayar denda?*

Anda boleh memasuki talian Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS) sebelum sebutan kes anda dengan menggunakan SingPass untuk membuat permohonan penangguhan, dan menyatakan sebab anda meminta penangguhan. Sekiranya anda membuat permohonan untuk penangguhan melalui ICMS, anda harus memantau status permohonan tersebut di ICMS. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, anda akan menerima pemberitahuan di ICMS yang menyatakan tarikh penangguhan mahkamah. Sekiranya permohonan anda ditolak, anda harus hadirkan diri di sebutan Mahkamah Malam seperti yang dikehendaki. Jika tidak, Waran Tangkap mungkin akan dikeluarkan ke atas anda.

Penangguhan kes mahkamah pada peringkat awal boleh diluluskan atas budi bicara mahkamah untuk membenarkan anda menulis surat perwakilan kepada agensi-agens penguatkuasa undang-undang yang berkenaan, menyelesaikan urusan peribadi atau untuk mengumpul wang untuk membayar denda mahkamah. Permohonan penangguhan atas sebab-sebab yang sama besar kemungkinan tidak akan diluluskan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang permohonan penangguhan melalui talian di ICMS, anda boleh merujuk pada Bab 2 (E) – Penangguhan.

(4) *Apa yang berlaku sewaktu sebutan di Mahkamah Malam?*

Pertama, anda perlu mendaftarkan diri di kiosk di luar Mahkamah Malam. Selepas itu, prosedur perbicaraannya adalah sama seperti perbicaraan di Mahkamah Sebutan. Anda boleh rujuk Seksyen (B) dalam bab ini untuk maklumat lanjut. Anda perlu bawa Notis Hadir ke Mahkamah, surat Saman, Bon Jaminan atau dokumen lain yang bersangkutan apabila anda datang ke mahkamah.

(5) Adakah kes saya akan selalu dibicarakan di Mahkamah Malam?

Tidak. Hakim boleh juga menetapkan kes anda untuk Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC) sekiranya:

- (a) Anda memutuskan untuk minta bicara, atau
- (b) Hakim berpendapat kes anda lebih sesuai untuk diuruskan melalui PTC dan bukan untuk sebutan.

Jika kes anda dibicarakan di Mahkamah 4BN, PTC akan diadakan di Mahkamah 7B. Jika kes anda dibicarakan di Mahkamah 4AN, PTC akan diadakan di Mahkamah 7A. PTC diadakan pada waktu kerja. Jika kes anda ditetapkan untuk PTC, mahkamah akan memberitahu anda tarikh, waktu dan tempat untuk sesi mahkamah berikutnya.

(D) Mengaku Salah Melalui Surat**(1) Bolehkah saya mengaku salah melalui surat?**

- (a) Ya, jika magistret telah mengeluarkan Surat Saman kepada anda bagi kesalahan yang hanya dikenakan denda sahaja, atau hukuman penjara tidak lebih 12 bulan, atau kedua-duanya; dan
- (b) Anda setuju untuk membayar denda yang akan dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan.

(2) Bagaimana caranya saya boleh mengaku salah melalui surat?

Anda boleh menulis surat kepada mahkamah untuk mengaku salah dan bersetuju untuk membayar denda yang mungkin dikenakan bagi kesalahan tersebut. Surat anda mestilah dialamatkan ke mahkamah di mana kes anda akan disebut. Surat anda juga perlu mengandungi alamat pos anda supaya mahkamah dapat memaklumkan hukumannya kepada anda kelak.

(3) *Apa yang akan mahkamah lakukan setelah surat tersebut diterima?*

Mahkamah boleh mencatatkan pengakuan anda dan mensabitkan kesalahan mengikut undang-undang. Mahkamah akan mengenakan denda dengan hukuman penjara atau tanpa hukuman penjara jika anda gagal membayar dendanya.

Namun, mahkamah boleh mengarahkan anda untuk hadir ke mahkamah pada hari, masa dan tempat yang ditetapkan. Anda harus hadir untuk perbicaraan tersebut jika diarahkan demikian.

(4) *Apa yang akan berlaku selepas itu?*

Anda akan diberitahu keputusan mahkamah melalui surat. Denda yang dikenakan mesti dibayar dalam masa 7 hari selepas surat mahkamah diposkan. Bayaran boleh dibuat melalui mesin kiosk ACS (Sistem Pungutan Automatik) di Bahagian Kewangan yang terletak di Aras 1 Bangunan Mahkamah Negara. Tempoh pemenjaraan tidak akan dijatuhkan melalui surat dan jika mahkamah memutuskan hukuman penjara, anda sendiri akan dikehendaki menghadiri mahkamah. Dalam hal demikian, mahkamah akan memaklumkan anda melalui surat untuk menghadiri mahkamah pada perbicaraan selanjutnya.

BAB 4


PERSIDANGAN SEBELUM PERBICARAAN

- (A) Apa itu Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC)?
- (B) Bagaimanakah saya menyiapkan diri untuk PTC?
- (C) Apakah yang saya perlu jangkakan semasa perbicaraan?
- (D) Persidangan Pendedahan Kes Jenayah (CCDC)

BAB 4

PERSIDANGAN SEBELUM PERBICARAAN

Carta aliran proses jenayah secara ringkas



(A) Apa itu Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC)?

Jika anda minta bicara semasa kes anda disebutkan, Mahkamah Sebutan akan menetapkan kes tersebut untuk Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC). Tujuan PTC adalah untuk menyiapkan anda dan Pihak Pendakwa untuk perbicaraan dan untuk menyelesaikan mana-mana perkara pentadbiran sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan.

(B) Bagaimanakah saya menyiapkan diri untuk PTC?

Sebelum ke PTC, anda harus pertimbangkan jika anda ingin mengemukakan perkara-perkara berikut semasa PTC:

- (i) Periksa jika Pihak Pendakwa bertujuan menggunakan sebarang pernyataan yang anda berikan kepada polis; dan jika begitu, anda boleh meminta salinan pernyataan tersebut.
- (ii) Nyatakan pada mahkamah bilangan saksi-saksi yang ingin anda panggil waktu perbicaraan.
- (iii) Jika anda memerlukan penterjemah untuk diri anda sendiri dan saksi-saksi anda, anda harus memberitahu Hakim yang anda memerlukan bantuan jurubahasa untuk perbicaraan.

Hakim juga mungkin bertanya kepada anda indikasi pembelaan anda dari segi undang-undang yang ingin anda buat. Oleh itu, adalah amat bermanfaat jika anda memikirkan mengenyainya sebelum PTC.

(C) Apakah yang saya perlu jangkakan semasa perbicaraan?

Tujuan PTC adalah untuk memastikan jika kes anda sedia untuk dibicarakan. Anda harus menghadiri PTC ini bersama Pihak Pendakwa; yang diwakili oleh Pendakwa Polis ataupun Timbalan Pendakwa Raya (DPP). Di persidangan ini, Hakim akan diberitahu ciri-ciri bukti yang akan anda atau Pihak Pendakwa kemukakan. Saksi-saksi juga akan dimaklumkan. Apabila kesemua perkara-perkara pentadbiran, termasuk Persidangan Pendedahan Kes Jenayah (jika ada), telah diperkemukakan, Hakim akan memberi tarikh untuk perbicaraan.

(D) Persidangan Pendedahan Kes Jenayah (CCDC)

(1) Apakah itu CCDC?

Persidangan Pendedahan Kes Jenayah adalah satu sistem formal bagi pendedahan timbal balik untuk membolehkan pihak-pihak mengetahui lebih awal perbicaraan itu, akan kes yang mereka hadapi. Ini bermakna kedua-dua pihak, anda dan Pihak Pendakwa, mempunyai tugas untuk mendedahkan aspek-aspek dan bukti kes yang ingin disandarkan di peringkat sebelum perbicaraan.

Dengan memilih untuk menjalani proses CCDC, anda dapat memahami dengan lebih baik kes Pihak Pendakwa.

CCDC diguna pakai untuk kes-kes khusus sahaja. Jika pertuduhan anda tersenarai di mana-mana statut di bawah, CCDC boleh diguna pakai:

| | |
|------|--|
| (1) | Akta Senjata dan Bahan Letupan (Bab 13) |
| (2) | Akta Kesalahan Senjata (Bab 14) |
| (3) | Akta Buang Negeri (Bab 18) |
| (4) | Akta Perbankan (Bab 19) |
| (5) | Akta Kawalan Kasino (Bab 33A) |
| (6) | Akta Penyalahgunaan Komputer (Bab 50A) |
| (7) | Akta Bahan-bahan Kakisan Dan Letupan Dan Senjata Berbahaya (Bab 65) |
| (8) | Akta Rasuah, Pengedaran Dadah dan Lain – lain Jenayah-jenayah Serius (Perampasan Manfaat) (Bab 65A) |
| (9) | Akta Undang-Undang Jenayah (Peruntukan Sementara) (Bab 67) |
| (10) | Akta Rampasan Pesawat Udara dan Perlindungan Pesawat Udara dan Lapangan Terbang Antarabangsa (Bab 124) |
| (11) | Akta Imigresen (selain daripada seksyen 6 dan 15) (Bab 133) |
| (12) | Akta Perlindungan Infrastruktur 2017 (Akta 41, 2017) |
| (13) | Akta Keselamatan Dalam Negeri (Bab 143) |
| (14) | Akta Mengekalkan Keharmonian Agama (Bab 167A) |
| (15) | Akta Penyalahgunaan Dadah (Bab 185) |
| (16) | Akta Pemiutang (Bab 188) |
| (17) | Akta Sumpah dan Akuan (Bab 211) |
| (18) | Akta Rahsia Rasmi (Bab 213) |
| (19) | Akta Pasport (Bab 220) |
| (20) | Kanun Keseksaan (Bab 224) |
| (21) | Akta Pencegahan Rasuah (Bab 241) |
| (22) | Akta Pencegahan Pemerdagangan Manusia (Bab 45, 2014) |
| (23) | Akta Penjara (Bab 247) |
| (24) | Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (Bab 256) |
| (25) | Akta Hiburan Awam (Bab 257) |
| (26) | Akta Ketenteraman dan Keselamatan Awam (Kuasa-kuasa Khas) 2018 |
| (27) | Akta Perjudian Dalam Talian 2014 (Akta 34, 2014) |
| (28) | Akta Sekuriti dan Niaga Hadapan (Bab 289) |
| (29) | Akta Hasutan (Bab 290) |
| (30) | Akta Merosak Harta Benda Awam (Bab 341) |

(2) *Bagaimanakah saya memohon untuk CCDC?*

Di PTC yang pertama, Hakim akan memberitahu anda jika CCDC diguna pakai untuk kes anda dan akan menanyakan pada anda sama ada anda ingin menyertai CCDC. Untuk kes-kes yang lain, CCDC hanya diguna pakai jika kesemua pihak yang terbabit dalam prosiding itu bersetuju.

(3) *Patutkah saya menyertai CCDC?*

Menyertai CCDC tidak diwajibkan. Ia adalah keputusan anda sama ada anda ingin melakukannya.

Menyertai CCDC boleh menolong anda lebih memahami bukti-bukti Pihak Pendakwa terhadap anda, yang dapat terus membantu anda memutuskan yang terbaik bagi kuasa tindakan yang diambil. Namun, anda harus bersedia mematuhi arahan Hakim untuk menyiapkan dokumen-dokumen bagi memudahkan CCDC. Anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai tugas anda tentang CCDC di bahagian selanjutnya.

Jika anda memilih untuk tidak menyertai CCDC, mahkamah akan meneruskan untuk menetapkan tarikh perbicaraan bila mana kesemua perkara-perkara pentadbiran telah diperkemas. Namun, anda tidak akan mempunyai peluang untuk pertimbangkan bukti-bukti Pihak Pendakwa sebelum perbicaraan. Begitu juga dengan Pihak Pendakwa, juga tidak dapat pertimbangkan bukti anda, yang mungkin ada, dalam kejadian tertentu, yang mengakibatkan pengurangan pertuduhan.

(4) *Apakah yang akan terjadi jika saya memutuskan untuk menyertai CCDC?*

Jika anda memilih menyertai CCDC, mahkamah akan memberikan arahan yang bersiri untuk memudahkan prosedur penemuan. Pertama, mahkamah akan mengarahkan Pihak Pendakwa menyiapkan dan memberi “Kes Pihak Pendakwa” kepada anda yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Pertuduhan terhadap anda.
- (b) Ringkasan Fakta.
- (c) Senarai saksi-saksi Pihak Pendakwa.
- (d) Penerangan dokumen-dokumen dan barang-barang yang akan dikemukakan sebagai bukti.
- (e) Mana-mana pernyataan yang anda buat secara bertulis kepada pegawai penguatkuasa undang-undang yang ingin digunakan Pihak Pendakwa sebagai bukti.
- (f) Senarai setiap pernyataan yang dibuat oleh anda kepada pegawai penguatkuasa undang-undang yang direkodkan dalam bentuk rakaman audiovisual yang pihak pendakwa raya bercadang untuk gunakan sebagai bukti. Transkrip rakaman-rakaman audiovisual ini juga akan dimasukkan.

Selepas anda menerima kes Pihak Pendakwa, anda harus membaca dan pertimbangkan dengan teliti. Ia mengandungi bukti-bukti yang Pihak Pendakwa akan sandarkan untuk membuktikan kebersalahan anda. Jika anda ingin melihat rakaman audiovisual pernyataan yang dibuat kepada pegawai penguatkuasa undang-undang yang disenaraikan dalam kes Pendakwa, anda perlu membuat permintaan kepada pihak pendakwa, yang kemudiannya akan mengaturkan tontonan tersebut. Pada CCDC seterusnya, mahkamah boleh meminta anda menyatakan sama ada anda ingin menuntut percabaran atau mengaku bersalah terhadap pertuduhan.

Jika anda berniat mengaku salah, mahkamah akan memindahkan kes anda ke Mahkamah yang menjatuhkan hukuman supaya akuan anda dapat diambil dan hukuman dapat dijatuhkan. Untuk maklumat lanjut mengenai penghukuman, rujuk ke Bab 6 – Penghukuman.

Jika anda menyatakan niat anda minta bicara, mahkamah akan mengarahkan anda menyiapkan “Kes Pihak Pembela”, yang mengandungi dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pembelaan anda secara ringkas dan fakta-fakta sokongan yang berkaitan dengan apa yang ingin anda sandarkan.
- (b) Senarai saksi-saksi (termasuk nama dan butiran mereka).
- (c) Penerangan dokumen-dokumen dan barang-barang yang ingin anda kemukakan di mahkamah sebagai bukti.
- (d) Sebarang bantahan yang ingin anda timbulkan pada Kes Pihak Pendakwa. Anda perlu menyatakan sifat bantahan dan isu fakta yang mana anda akan memberikan bukti.

Kes Pihak Pembela anda mesti disiapkan dalam Bahasa Inggeris. Anda harus memberi salinan kes anda kepada mahkamah dan juga Pihak Pendakwa dalam jangka masa yang telah ditentukan oleh mahkamah. Sekiranya terdapat orang tertuduh bersama anda yang akan didakwa dalam perbicaraan, anda juga perlu menyampaikan Kes Pembelaan ke atas orang tertuduh itu.

(5) *Bagaimanakah harus saya menyiapkan Kes Pihak Pembela?*

Di bahagian belakang buku panduan ini, anda akan menemui contoh Kes Pihak Pembela yang anda boleh pertimbangkan dan sesuaikan dengan keperluan anda.

Jika anda memerlukan bantuan pada kandungan substantif untuk Kes Pihak Pembela anda, anda disyorkan mendapatkan nasihat guaman.

Amatlah penting bagi anda menyediakan dan menyampaikan Kes Pihak Pembela anda dengan lengkap. Jika anda gagal berbuat demikian (misalnya, jika anda gagal menyampaikan kepada pihak pendakwa barang-barang berkaitan kes berbentuk dokumen yang disenaraikan dalam Kes Pihak Pembela), mahkamah boleh membuat kesimpulan yang tidak meyakinkan (iaitu kesimpulan yang tidak berpihak) terhadap anda. Ambil perhatian bahawa kesimpulan buruk mungkin akan dipertimbangkan terhadap anda jika semasa perbicaraan, anda mengemukakan suatu kes yang berbeza atau tidak konsisten dengan apa yang telah dinyatakan dalam Kes Pihak Pembela. Ini mungkin memberi kesan kebolehpercayaan anda dalam perbicaraan dan menjejaskan secara negatif peluang anda untuk membela diri anda dengan berjaya.

Amatlah penting bagi anda menyediakan Kes Pihak Pembela dengan lengkap. Jika tidak, mahkamah boleh membuat kesimpulan yang tidak meyakinkan terhadap anda semasa perbicaraan yang boleh menjejaskan pembelaan anda.

(6) Apa akan terjadi selepas saya menyerahkan Kes Pihak Pembela?

Selepas anda menyerahkan Kes Pihak Kes Pembelaan anda kepada Mahkamah dan Pihak Pendakwa, Pihak Pendakwa akan memberi salinan dokumen-dokumen yang di dapati di dalam Kes Pihak Pendakwa. Pihak Pendakwa juga akan menyediakan salinan lain-lain pernyataan bertulis dan transkrip lain-lain pernyataan yang direkod melalui rakaman audiovisual yang telah anda buat sepanjang penyiasatan. Setelah membuat pembayaran, pihak pendakwa juga akan menyediakan satu salinan rekod jenayah anda, jika ada. Ini dikenali sebagai “Berkas Tambahan Pihak Pendakwa”.

Jika anda ingin melihat rekod rakaman audiovisual pernyataan yang telah anda berikan, anda boleh membuat permohonan kepada pihak pendakwa, yang kemudiannya akan mengaturkan tontonan rakaman audiovisual tersebut. Anda harus pertimbangkan keseluruhan kes pendakwa, termasuk semua dokumen dan kenyataan yang didedahkan kepada anda dengan teliti sebelum anda menentukan langkah anda yang berikutnya iaitu minta dibicarakan atau mengaku bersalah.

Di CCDC selanjutnya, Hakim akan menanyakan anda dan Pihak Pendakwa untuk menyatakan kedudukan masing-masing. Jika Pihak Pendakwa memilih meneruskan pertuduhan-pertuduhan, dan anda memilih untuk minta bicara, Hakim akan menetapkan tarikh perbicaraan. Bab selanjutnya memperkatakan tentang perbicaraan.

BAB 5

PERBICARAAN

- (A) Apa itu Perbicaraan?
- (B) Bagaimanakah saya menyiapkan diri untuk Perbicaraan?
- (C) Apa yang berlaku semasa Perbicaraan?

BAB 5

PERBICARAAN

(A) Apa itu Perbicaraan?

Perbicaraan diadakan dengan tujuan untuk menentukan sama ada anda bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadap anda. Semasa perbicaraan, Hakim akan mendengar bukti yang dikemukakan oleh anda dan Pihak Pendakwa menurut undang-undang. Bukti di sini bermaksud testimoni saksi, dokumen, video, gambar, dan objek. Hakim akan cuba untuk bertanya tentang kebenaran yang telah berlaku dengan menilai ketepatan dan kebolehpercayaan bukti yang dibentangkan.

Selepas mendengar semua bukti yang dibentangkan, Hakim akan memutuskan sama ada mensabitkan kesalahan atau membebaskan anda.

Berikut adalah gambaran menyeluruh proses perbicaraan:

Gambaran Menyeluruh Perbicaraan Jenayah



(B) Bagaimanakah saya menyiapkan diri untuk perbicaraan?

Hakim hanya boleh mempertimbangkan bukti yang dibentangkan di mahkamah. Oleh itu, anda mesti membawa bukti, termasuk saksi (jika ada), untuk menyokong pembelaan anda di hari perbicaraan. Kedua-dua pihak berhak untuk memanggil saksi. Semua saksi akan mengangkat sumpah dengan berikrar, dan akan disoal oleh anda dan Pihak Pendakwa. Jika anda mahu menggunakan sesuatu bukti yang disebutkan atau diketahui oleh seseorang yang lain, orang tersebut mesti hadir di mahkamah supaya pendakwa boleh menyoalnya.

Sekiranya pendedahan Kes Pihak Pendakwa dan Kes Pihak Pembela telah dijalankan sebelum ini, anda perlu memberi notis secara bertulis kepada Mahkamah dan semua pihak lain jika anda ingin memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau objek lain yang masih belum didedahkan dalam Kes Pembela anda. Sekiranya anda akan ingin mengetengahkan saksi baru, notis bertulis itu mesti menyatakan nama saksi dan ringkasan bukti yang akan beliau sampaikan. Sekiranya anda mengetengahkan dokumen atau objek lain, notis bertulis itu mesti memberikan keterangan tentang dokumen atau objek tersebut.

Hakim hanya akan mempertimbangkan bukti yang dibentangkan di mahkamah; bukti yang tidak dibawa ke mahkamah tidak akan dipertimbangkan.

(1) Saksi

Anda mesti memastikan semua saksi anda hadir ketika perbicaraan. Jika anda tidak pasti saksi anda sanggup hadir atau tidak, anda harus memohon di Pejabat Pendaftaran Pusat (Aras 2, Menara Mahkamah Negara) supaya “Saman kepada Saksi” dikeluarkan terhadap saksi itu. Bayaran \$20 akan dikenakan bagi setiap Saman yang dikeluarkan. Penghantar saman mahkamah kemudian akan membantu anda untuk menyampaikan dokumen ini kepada saksi.

(2) Dokumen

Sediakan dokumen dan semua bukti yang anda berniat untuk gunakan bagi pembelaan anda. Anda perlu menyediakan paling kurang 4 salinan dokumen. Satu (yang asli) untuk mahkamah, satu untuk Pihak Pendakwa, satu untuk saksi dan satu untuk anda sendiri.

Sebagai peraturan, anda harus memastikan pembuat⁶ mana-mana dokumen ini berada di mahkamah. Jika tidak, dokumen itu tidak boleh diterima sebagai

⁶Sebagai contoh, jika anda berniat menggunakan sijil perubatan, doktor yang mengeluarkan sijil perubatan itu mesti hadir di mahkamah untuk membuktikan beliau yang membuat dokumen tersebut. Contoh yang lain ialah, jika anda mempunyai surat daripada syarikat anda dan anda berniat menggunakannya, anda harus meminta orang yang menandatangani dokumen ini menghadiri perbicaraan untuk membuktikan beliau yang membuat dokumen tersebut.

bukti untuk perbicaraan. Contohnya, jika anda ingin mengetengahkan mesej WhatsApp atau mesej Facebook yang dihantar oleh orang lain, anda mungkin ingin memanggil orang tersebut sebagai saksi, supaya dia boleh menyatakan di Mahkamah sama ada dia adalah penghantar mesej tersebut.

Dokumen anda hendaklah disediakan awal sebelum perbicaraan. Ini penting kerana mahkamah boleh mengarahkan anda (dan Pihak Pendakwa) untuk mengemukakan dokumen tersebut sebelum tarikh perbicaraan yang sebenar.

(3) *Persediaan*

Anda juga boleh menyediakan senarai soalan yang anda ingin kemukakan kepada (i) saksi-saksi anda sendiri dan (ii) saksi-saksi Pihak Pendakwa.

(4) *Penerimaan dokumen, gambar dan bukti-bukti lain semasa perbicaraan*

Kedua-dua pihak dibenarkan menunjukkan kepada Hakim ekshibit (objek atau dokumen) yang relevan. Jika anda mahu Hakim mempertimbangkan ekshibit berbentuk dokumen, anda harus sediakan empat salinan dan bawa salinan asli ke Mahkamah.

Pembuat dokumen atau orang yang mengambil gambar perlu datang ke mahkamah. Jika tidak, mahkamah mungkin tidak akan mempertimbangkannya.

Sumber: Senarai Perkara yang Perlu Dilakukan

Bawa bukti yang diperlukan ke mahkamah

Sediakan yang asli dan sekurang-kurangnya 3 salinan bagi setiap dokumen untuk dijadikan sebagai bukti

Pastikan penulis atau pembuat dokumen datang ke mahkamah
(Jika tidak, dokumen tersebut mungkin tidak akan dipertimbangkan sebagai bukti)

Hubungi kesemua saksi dan minta mereka menghadiri perbicaraan

Pastikan kesemua saksi menghadiri perbicaraan

Sila mohon "Saman Kepada Saksi" yang menghendaki saksi menghadiri perbicaraan di **Pejabat Pendaftaran Pusat (Aras 2, Menara Mahkamah Negara)** selepas tarikh perbicaraan diberi Harga: \$20 bagi setiap saman

Anda perlu memperkenalkan dokumen dan gambar kepada saksi yang relevan dengan menanyakan beliau untuk memberitahu mahkamah (semasa pemeriksaan utama):

- ▶ Apakah ini?
- ▶ Bagaimana dan bila ianya diperolehi/dibuat/diambil?
- ▶ Apakah tujuan dokumen ini atau apakah yang ditunjukkan dalam gambar ini?

Dokumen, pernyataan, gambar atau objek lain mesti ditandakan dan diterima secara rasmi sebelum dijadikan sebagai sebahagian daripada bahan bukti. Ini bermakna Hakim akan menamakan setiap keping dokumen dengan huruf dan nombor (contohnya P1 atau D1) dan dokumen tersebut mesti memenuhi syarat undang-undang sebelum ianya boleh dijadikan bahan bukti. Anda perlu menandakan salinan dokumen anda selepas ia ditandakan oleh mahkamah sebagai rujukan atau diterima sebagai bahan bukti. Begitu juga untuk memudahkan rujukan, mahkamah akan menamakan semua saksi dengan menggunakan rujukan seperti "PW1", "PW2" atau "DW1", "DW2".

(C) Apa yang berlaku semasa Perbicaraan?

Semasa perbicaraan, kedua-dua pihak akan diberikan secukup masa dan peluang yang wajar untuk mengemukakan sepenuhnya kepada mahkamah mengenai kes mereka. Pihak Pendakwa dan anda akan bergilir-gilir untuk membentangkan kes masing-masing. Anda perlu bersabar menanti giliran anda untuk bercakap. Apabila tiba giliran anda untuk bercakap, bercakaplah dengan jelas ke dalam mikrofon agar didengar, kerana prosiding sedang dirakam.

Anda patut mengambil nota anda sendiri dan mencatat apa yang dikatakan oleh saksi-saksi. Jika anda perlukan pena dan kertas, anda boleh memintanya.

Semasa perbicaraan, Hakim boleh mencelah ketika anda atau saksi memberi keterangan dengan menanyakan soalan bagi mendapatkan penjelasan dan fakta-fakta tambahan supaya Hakim dapat semua maklumat untuk memutuskan kes anda.

Urutan perbicaraan adalah seperti berikut:

Langkah 1: Permulaan Kes Pihak Pendakwa

Setelah pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada anda, Hakim akan mendapatkan pengesahan daripada anda, sama ada anda ingin mengaku salah atau minta bicara. Jika anda minta bicara, Pihak Pendakwa akan membentangkan kes mereka dahulu. Pihak Pendakwa boleh memulakan ringkasan kesnya serta apa yang akan dibuktikan sepanjang perbicaraan.

Langkah 2: Pemeriksaan Saksi-Saksi Pihak Pendakwa

Pemeriksaan bagi setiap saksi oleh Pihak Pendakwa merangkumi 3 tahap: (i) Pemeriksaan Utama; (ii) Pemeriksaan Balas; dan (iii) Pemeriksaan Semula. Apabila saksi berada di kandang saksi, saksi-saksi yang lain harus berada di luar bilik mahkamah atau di dalam bilik saksi. Anda juga harus memastikan bahawa saksi anda tidak berada dalam bilik mahkamah.

(1) *Pemeriksaan Utama*

Pihak Pendakwa akan memanggil saksi-saksi mereka untuk memberikan keterangan menurut susunan yang disenaraikan. Dokumen, gambar dan objek yang lain juga boleh dikemukakan sebagai bukti melalui saksi. Anda perlu mendengar soalan dan jawapan dengan teliti, dan buat nota untuk rujukan anda sendiri.

Pendakwa tidak seharusnya bertanya soalan yang memimpin. Soalan memimpin adalah soalan yang memberi bayangan jawapan kepada saksi. Sebagai contoh,

“Anda melihat dia dengan jelas di bawah kolong pada hari itu, bukan?” adalah soalan yang memberi petunjuk kepada saksi jawapan bagi soalan itu. Sebaliknya, Pihak Pendakwa harus bertanya “Apa yang anda lihat dia lakukan pada hari itu?” Jika Pendakwa bertanya soalan yang memimpin, anda boleh berdiri dan terus membantah.

(2) **Pemeriksaan Balas**

Selepas Pemeriksaan Utama semua saksi, anda dibenarkan untuk pemeriksaan balas semua saksi, termasuk menyoal soalan yang memimpin. Anda juga boleh tunjukkan kepada saksi mana-mana dokumen, video atau gambar-gambar, untuk mencabar apa yang dia telah katakan.

Anda harus gunakan peluang ini untuk menyoal setiap saksi bagi menguji kebenaran dan ketepatan cerita mereka tentang bagaimana kejadian berlaku. Walau bagaimanapun, anda tidak seharusnya mengajukan soalan yang akan memalukan, menghina atau menimbulkan gangguan ke atas saksi. Secara khusus, di dalam perbicaraan kes jenayah yang melibatkan kesalahan-kesalahan seksual atau penderaan kanak-kanak, tertuduh tidak seharusnya mengajukan soalan berkaitan pengalaman seksual mangsa bersama orang-orang lain atau rupa fizikal mangsa tanpa kebenaran Mahkamah.

Sumber: Perkara-perkara penting untuk diambil perhatian

Anda tidak dibenarkan bertanya soalan yang boleh mengganggu, menghina atau memalukan saksi

Hakim bukan peguam anda dan Hakim tidak akan bantu anda untuk memikirkan soalan. Anda bertanggungjawab untuk menayakan soalan yang sesuai untuk membantu kes anda

Sebelum mengakhiri pemeriksaan balas anda, anda berfikirlah dengan teliti tentang pembelaan anda supaya anda tidak terlepas apa-apa yang penting

Anda boleh mengajukan soalan untuk menekankan:

- ▶ Terdapat aspek yang tidak sekata atau tidak logik dalam testimoni saksi.
- ▶ Saksi mempunyai pengetahuan yang salah atau tidak mencukupi.

- ▶ Saksi ini tidak boleh dipercayai (contohnya, ingatan atau keupayaannya untuk melihat dengan jelas diragui).
- ▶ Saksi itu tidak bercakap benar.

Akhir sekali, anda juga boleh memberikan versi anda tentang apa yang berlaku pada saksi berkenaan dan bertanya kepadanya jika dia bersetuju dengan anda. Ini dikenali sebagai “soalan yang diajukan”.

(3) *Pemeriksaan Semula*

Setelah pemeriksaan balas anda, Pihak Pendakwa dibenarkan untuk memeriksa semula saksi dengan bertanya soalan lanjut untuk mendapatkan penjelasan sebahagian jawapan-jawapan yang telah diberikan semasa pemeriksaan balas. Anda boleh membantah jika Pihak Pendakwa mengemukakan soalan memimpin atau menimbulkan isu-isu yang tidak dibangkitkan semasa pemeriksaan balas.

Bukti yang diberikan di mahkamah: Bantahan-bantahan yang boleh dikemukakan

Semasa kes Pihak Pendakwa, anda boleh membantah soalan tertentu yang ditanya atau keterangan tertentu yang diberikan. Apabila anda membantah, anda melakukannya dengan berdiri dan berkata "Saya bantah, tuan Hakim", kemudian anda terangkan kenapa anda membantah dan pihak yang lain mempunyai peluang untuk menjawab pembantahan tersebut dan Hakim kemudian akan memutuskan jika soalan harus dibenarkan. Beberapa contoh jenis soalan atau bukti yang boleh dibantah disenaraikan di bawah.

Bukti yang tiada kaitan

- ▶ Secara am, mana-mana bukti yang tiada kaitan dengan pertuduhan yang dikenakan terhadap Tertuduh dan/atau tertuduh bersama tidak boleh diterima.
- ▶ Semua bukti yang tiada kaitan tidak akan diendahkan oleh Hakim.
- ▶ Jika Hakim menanyakan soalan atau mengarahkan sesiapa untuk meneruskan dan menanya soalan tentang perkara atau isu lain, ia bukan untuk memotong hujah sesiapa atau membantu mana-mana pihak. Ini bagi memastikan masa tidak terbuang dan kes ditentukan atas fakta yang berkenaan sahaja.

Perwatakan

- ▶ Sebagai peraturan am, Pihak Pendakwa tidak boleh mempengaruhi bukti dengan menunjukkan bahawa anda adalah seseorang yang mempunyai perwatakan yang buruk. Ini termasuk bukti-bukti seperti rekod jenayah anda yang lalu.
- ▶ Namun, jika anda mengemukakan bukti yang menunjukkan anda adalah seseorang yang mempunyai perwatakan yang baik, Pihak Pendakwa boleh menggunakan apa-apa bukti seperti itu (termasuk rekod jenayah yang lalu) untuk menunjukkan anda adalah seseorang yang mempunyai perwatakan yang buruk.
- ▶ Anda akan membuat dakwaan bahawa anda adalah seseorang yang mempunyai perwatakan yang baik, jika anda bertanya soalan kepada saksi pendakwa tentang perwatakan baik anda, membuat pernyataan tentang perkara ini semasa pemeriksaan utama dan/atau memanggil saksi-saksi untuk memberi bukti tentang perwatakan baik anda.

Dengar Cakap

- ▶ Dengar cakap adalah pernyataan seseorang yang tidak berada di mahkamah sebagai seorang saksi yang disediakan untuk membuktikan kebenaran daripada fakta-fakta dalam perkara itu: ia boleh jadi pernyataan lisan yang telah didengari oleh salah satu saksi-saksi di mahkamah atau dokumen bertulis.
- ▶ Sebagai contoh, jika A dipanggil ke mahkamah sebagai seorang saksi dalam percabaran pembunuhan, dan beliau berkata, "Saya mendengar B berkata yang dia telah melihat C melakukan pembunuhan", ini adalah kerana A tidak mempunyai pengetahuan peribadi. Kenyataan A tidak boleh diterima kerana ia adalah keterangan dengar cakap dan B sepatutnya dipanggil untuk memberi keterangan.
- ▶ Terdapat beberapa pengecualian bagi peraturan keterangan dengar cakap seperti di mana: (i) pembuat pernyataan sudah meninggal dunia, tidak dapat dicari, atau berada di luar negara dan tidak boleh memberi keterangan; (ii) pernyataan itu dimuatkan dalam dokument-dokumen perniagaan biasa. Anda mungkin ingin merujuk kepada seksyen 32 Akta Bukti (Bab 97) untuk mengetahui pengecualian kepada peraturan dengar cakap.

Pendapat

- ▶ Secara umum, saksi-saksi hanya sepatutnya memberi keterangan berdasarkan fakta-fakta yang mereka sendiri nampak dan bukan kesimpulan/pendapat berdasarkan fakta-fakta itu. Anda tidak sepatutnya menanyakan soalan yang menghendaki saksi-saksi anda membuat kesimpulan atau menyatakan pendapat mereka.
- ▶ Jika anda memerlukan saksi untuk memberikan pendapatnya tentang perkara yang khusus (contohnya bukti perubahan or kemalangan pembinaan semula), saksi itu patut dipanggil untuk memberi keterangan sebagai saksi pakar. Jika anda memanggil saksi pakar, anda perlu bertanya soalan untuk menunjukkan kelayakan saksi dan pengalaman sebagai pakar dalam bidang tersebut.

Langkah 3: Panggilan Pembelaan Diri

Selepas Pihak Pendakwa memanggil kesemua saksi-saksi mereka, mahkamah akan memutuskan sama ada pihak Pihak Pendakwa telah membentangkan kes yang mencukupi sehingga anda mesti menjawab pertuduhan itu. Anda boleh mengemukakan hujah bahawa tiada kes untuk dijawab jika anda fikirkan bahawa tiada bukti yang cukup untuk menyokong kes pihak Pihak Pendakwa.

Jika terdapat bukti yang cukup untuk menyokong kes pihak Pihak Pendakwa, mahkamah akan meminta anda untuk membentangkan pembelaan anda, dan "Pernyataan Rasmi untuk Tertuduh" akan dibacakan kepada anda. Anda akan diberikan dua pilihan oleh Hakim: (i) memberi keterangan dari kandang saksi; atau (ii) berdiam diri.

Jika anda memilih untuk berdiam diri, mahkamah boleh membuat kesimpulan yang sewajarnya, termasuk yang tidak menguntungkan anda. Mahkamah boleh mengambil kira perbuatan diam diri anda apabila memutuskan sama ada anda bersalah atau tidak.

Jika anda memilih untuk memberi keterangan, anda perlu memberi keterangan dari kandang saksi, bersumpah atau berikrar, dan tertakluk pada pemeriksaan balas oleh pihak Pihak Pendakwa. Apa sahaja yang anda pilih, anda boleh memanggil saksi-saksi lain untuk memberikan keterangan bagi menyokong kes anda. Prosedur yang sama (i) Pemeriksaan Utama; (ii) Pemeriksaan Balas; dan (iii) Pemeriksaan Semula akan dikenakan kepada kesemua saksi- saksi pembelaan.

Panggilan Pembelaan Diri - Alokusi Standard

(Standard Allocution)

"Saya mendapati bahawa Pihak Pendakwa telah mengemukakan hujah terhadap anda atas pertuduhan-pertuduhan yang sedang anda bicarakan. Terdapat beberapa bukti, tidak semestinya sukar dipercayai yang memenuhi setiap unsur pertuduhan(-pertuduhan). Maka, saya memanggil anda untuk memberi keterangan pembelaan anda. Anda mempunyai dua pilihan yang disediakan kepada anda. Pertama, jika anda memilih untuk memberi keterangan anda mesti memberinya dari kandang saksi, bersumpah atau berikrar, dan tertakluk pada pemeriksaan balas. Kedua, jika anda memilih tidak memberi keterangan dalam kandang saksi, iaitu, berdiam diri, saya mesti memberitahu anda bahawa mahkamah dalam memutuskan sama ada anda bersalah atau tidak, boleh membuat kesimpulan-kesimpulan yang sewajarnya dari keengganan anda memberi keterangan, termasuk kesimpulan-kesimpulan yang boleh merugikan anda. Benarkan saya juga berkata, mana-mana pilihan yang anda ambil, ia terbuka kepada anda untuk memanggil bukti yang lain dalam pembelaan anda. Anda boleh berbincang dengan peguam anda mengenai pilihan yang anda ingin ambil.

Sekarang ini, saya memanggil anda untuk memberi keterangan pembelaan anda. Apa pilihan anda?"

Langkah 4: Pemeriksaan Tertuduh

(1) *Pemeriksaan Utama*

Seandainya anda memilih untuk memberi keterangan, anda adalah orang yang pertama ke kandang saksi. Anda boleh meminta Hakim memberi anda sedikit masa sebelum memulakan kes anda untuk berfikir tentang apa yang anda ingin katakan dalam pembelaan anda.

Kemudian anda boleh memulakan dengan memberikan ringkasan mengapa anda tidak bersalah. Selepas mengangkat sumpah, anda seharusnya menyatakan nama penuh, umur, dan pekerjaan semasa anda. Kemudian, anda boleh memberikan versi anda tentang apa yang telah berlaku. Ini adalah “Pemeriksaan Utama Tertuduh” dan ia merupakan peluang bagi anda untuk membentangkan versi anda mengenai perkara itu.

(2) *Pemeriksaan Balas*

Pihak Pendakwa kemudian akan bertanya anda beberapa siri soalan untuk memeriksa balas anda. Pihak Pendakwa mungkin akan meminta untuk mengemukakan pernyataan yang dibuat oleh anda semasa siasatan. Jika anda tidak bersetuju dengan penerimaan pernyataan-pernyataan ini sebagai bukti percabaran, percabaran sampingan (lihat di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut) akan diadakan di hadapan Hakim untuk penentuannya sebelum percabaran bersambung. Sila ambil perhatian bahawa walaupun pernyataan tersebut diterima, anda boleh berhujah bahawa Hakim sepatutnya memberikan sedikit kepentingan kepadanya (contohnya kerana mereka tidak menunjukkan bahawa anda telah melakukan kesalahan tersebut).

(3) Pemeriksaan Semula

Selepas pemeriksaan balas, anda akan dibenarkan untuk menjelaskan jawapan anda kepada pihak Pihak Pendakwa.

Langkah 5: Pemeriksaan Saksi-Saksi Tertuduh

Apabila anda telah selesai memberikan keterangan anda, anda boleh memanggil saksi-saksi anda yang lain ke kandang saksi, seorang pada satu masa.

Sumber: Perkara-perkara penting untuk diambil perhatian

Adalah sangat penting bahawa semua bukti yang anda inginkan Hakim untuk mendengar diberikan semasa kes anda

Anda harus mengelak membuat kenyataan yang tidak sesuai mengenai orang atau benda

Tumpukan perhatian dengan memberitahu Hakim apa yang berlaku pada hari yang dipersoalkan. Perkara-perkara yang tidak berkaitan tidak membantu Hakim untuk memutuskan kes itu


Jika anda mengemukakan bukti kepada mahkamah, terangkan kepada Hakim untuk apakah bukti itu dan berikan beberapa butiran mengenainya

Perbicaraan Sampingan

Jika ada pertikaikan kebolehterimaan sebarang bukti, mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengadakan Perbicaraan Sampingan bagi memastikan sama ada pernyataan itu boleh diterima. Secara ringkas, pernyataan penyiasatan diterima jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- ▶ Ia telah dibuat kepada seorang pegawai polis yang berpangkat lebih tinggi daripada pangkat sarjan
- ▶ Ia tidak diperolehi melalui ugutan, dorongan atau janji oleh seseorang dari pihak berkuasa; dan di bawah kepercayaan bahawa Tertuduh akan memperolehi sebarang kelebihan atau menghindari sesuatu yang buruk berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dia dituduh.
- ▶ Ia tidak diperolehi dalam keadaan-keadaan bersifat penindasan (contohnya tidak memberi makanan dan minuman atau ubat) sehingga kebebasan Tertuduh dilemahkan dan dia memberi pernyataan untuk memperolehi kelebihan atau menghindari sesuatu buruk berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dia dituduh.

Semasa Perbicaraan Sampingan, mahkamah prihatin sama ada pernyataan yang anda berikan adalah secara sukarela. Oleh itu, anda harus menumpukan pada bagaimana pernyataan anda direkodkan, apa yang berlaku semasa pernyataan direkodkan dan mengapa ia telah menjejaskan anda sehingga anda telah memberikan pernyataan secara tidak sukarela. Hakim kemudian akan mengumumkan keputusannya sama ada pernyataan tersebut harus diterima.



(1) *Pemeriksaan Utama*

Anda seharusnya meminta saksi anda memberikan beberapa maklumat asas kepada mahkamah, seperti namanya, umur, Kad Pengenalan dan pekerjaan. Jika anda memanggil saksi-saksi pakar, anda seharusnya menyuruh saksi anda memberitahu mahkamah kelayakannya sebagai seorang pakar. Seorang saksi pakar adalah seseorang yang mempunyai pengetahuan khusus untuk menyokong kes anda. Contohnya, doktor-doktor dan jurutera-jurutera

Anda kemudian boleh bertanya saksi anda sebarang pertanyaan yang boleh membantu anda, atau melemahkan kes Pihak Pendakwa. Namun, anda hanya perlu bertanya soalan yang boleh dijawab oleh saksi, dan saksi hanya perlu memberi keterangan tentang fakta-fakta yang berkaitan dalam pengetahuan peribadinya.

Sumber: Hal-hal yang tidak seharusnya ditanya kepada saksi

Pandangannya tentang keterangan lain-lain saksi

Pandangannya (melainkan dia seseorang saksi pakar)

Ulasannya mengenai undang-undang

Apakah niat, pemikiran dan pandangan orang lain

Anda seharusnya bertanya saksi-saksi anda soalan terbuka. Ini bermakna soalan yang ditanya tidak boleh mempengaruhi saksi memberi jawapan yang anda mahukan. Anda tidak boleh menyatakan versi anda tentang peristiwa-peristiwa itu dan bertanya kepada saksi jika dia bersetuju dengannya. Sebagai contoh, anda tidak seharusnya bertanya soalan seperti "Pada hari yang dipersoalkan, adakah anda bersetuju bahawa saya sedang makan malam dengan anda?" Sebaliknya, anda mungkin boleh bertanya "Apa yang anda buat pada hari yang dipersoalkan?" Biasanya lebih mudah untuk membentangkan soalan terbuka jika anda bermula dengan "Siapakah", "Apakah", "Di manakah", "Bilakah" atau "Bagaimanakah".

(2) *Pemeriksaan Balas*

Sebaik sahaja anda selesai menyoal saksi-saksi anda, Pihak Pendakwa kemudian akan memeriksa balas saksi-saksi anda. Pihak Pendakwa boleh mengemukakan soalan memimpin untuk mencabar keterangan mereka semasa pemeriksaan balas.

(3) *Pemeriksaan Semula*

Selepas saksi anda diperiksa balas oleh Pihak Pendakwa, anda akan dapat memeriksa semula saksi-saksi anda untuk menjelaskan apa yang telah dikatakan oleh saksi-saksi anda dalam pemeriksaan balas. Anda boleh bertanya kepada saksi anda soalan untuk menerangkan atau perkara-perkara yang bercanggah yang telah dikemukakan kepadanya oleh Pihak Pendakwa di mana beliau mungkin tidak dapat menjelaskan semasa pemeriksaan balas.

Sumber: Apa yang harus dilakukan semasa Pemeriksaan Semula

Pemeriksaan semula bukanlah satu lagi peluang untuk anda menimbulkan bukti baru

Pemeriksaan semula hanya mesti digunakan untuk menerangkan atau menjelaskan perkara-perkara yang dirujuk semasa pemeriksaan balas

Anda harus menanyakan soalan yang terbuka dan tidak mengemukakan versi anda kepada saksi dan memintanya bersetuju atau membantah

Langkah 6: Saksi Pematahan Pihak Pendakwa

Pihak Pendakwa kemudian boleh memanggil atau memanggil semula saksi pada peringkat ini untuk mematahkan keterangan yang telah dibangkitkan dalam pembelaan anda. Seorang saksi pematahan hanya boleh dipanggil untuk mematahkan maklumat baru yang diperkenalkan oleh pembelaan anda. Anda juga akan diberikan peluang untuk memeriksa balas mereka.

Langkah 7: Hujah Penggulangan

Pada akhir perbicaraan, anda dan Pihak Pendakwa akan diberi peluang untuk mengemukakan hujah penggulangan. Tujuannya adalah untuk membolehkan kedua pihak meringkaskan bukti dan hujah-hujah untuk meyakinkan Hakim untuk memutuskan kes dan memihak kepada mereka.

Anda akan diminta untuk membuat hujah penggulangan dahulu, diikuti dengan Pihak Pendakwa. Jika anda memerlukan masa untuk menyediakan hujah penggulangan anda, anda boleh meminta Hakim untuk memberi anda sedikit masa. Jika anda tidak dapat mengingati apa yang telah dibentangkan di perbicaraan, anda boleh memohon satu salinan Nota Keterangan melalui Pejabat Pendaftaran Pusat (Aras 2, Menara Mahkamah Negara). Nota Keterangan adalah transkrip kata demi kata tentang apa yang telah dikatakan oleh setiap orang yang berlainan di mahkamah.

Sumber: Perkara-perkara penting untuk diambil perhatian

Anda harus tumpukan perhatian pada isu-isu yang berkaitan dan menerangkan kepada Hakim mengapa beliau harus mempercayai anda.

Anda boleh menekankan kelemahan keterangan yang dibentangkan oleh Pihak Pendakwa, atau menjelaskan mengapa anda sepatutnya didapati “tidak bersalah”

Anda akan dibenarkan bercakap mengenai kesemua bukti yang dibentangkan dalam perbicaraan. Ini termasuk apa-apa dokumen, gambar atau video yang telah dijadikan bukti. Anda tidak boleh memperkenalkan bukti baru pada tahap ini.

Langkah 8: Keputusan

Akhir sekali, Hakim akan memutuskan kes dan mengumumkan keputusannya. Jika anda dibebaskan (iaitu didapati tidak bersalah), proses perbicaraan berakhir dan anda bebas untuk pergi. Jika anda disabitkan kesalahan (didapati bersalah), kes tersebut akan diteruskan untuk rayuan peringanan dan hukuman di mana Hakim akan memutuskan bagaimana anda akan dihukum. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan atau hukuman atau kedua-duanya, anda boleh memfailkan rayuan di Pejabat Pendaftaran Pusat (Aras 2, Menara Mahkamah Negara) dalam masa 14 hari kalendar pengumuman hukuman tersebut. (Untuk maklumat lanjut tentang Rayuan, lihat Bab 7 - Rayuan.)

BAB 6

PENGHUKUMAN

- (A) Jenis-jenis Hukuman
- (B) Mahkamah Masyarakat dan Hukuman Berlandaskan Masyarakat
- (C) Prosedur Penghukuman
- (D) Perbicaraan Newton

BAB 6

PENGHUKUMAN

Bahagian ini membincangkan 3 aspek penghukuman. Pertama, kami akan terangkan pelbagai hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang. Kedua, kami akan melihat langkah-langkah yang terlibat dalam penghukuman. Prosedur ini diikuti sama ada tertuduh dihukum akibat pengakuan salah ataupun disabit kesalahan dalam perbicaraan. Akhir sekali, kami akan melihat Perbicaraan Newton yang khusus diadakan untuk menyelesaikan pertikaian fakta yang berkaitan dengan penghukuman.

(A) Jenis-jenis Hukuman

(1) Apakah itu hukuman?

Ia adalah satu “hukuman” yang anda harus lalui setelah anda disabit kesalahan.

(2) Bagaimana saya boleh mengetahui hukuman yang mungkin saya hadapi bagi pertuduhan saya?

Kertas pertuduhan anda akan menyatakan hukuman maksima yang boleh dikenakan untuk pertuduhan tersebut. Ini boleh didapati di bahagian bawah kertas pertuduhan anda. Dalam beberapa keadaan, pertuduhan tersebut mungkin membawa hukuman minima. Dalam kes sebegini, kertas pertuduhan anda juga akan menyatakan hukuman minima.

Jika anda mempunyai peguam, peguam anda boleh menasihati anda mengenai ‘tarif biasa’ – iaitu lingkungan hukuman yang biasa dikenakan oleh mahkamah-mahkamah untuk kesalahan yang dikatakan anda telah melakukan.

(3) Apakah jenis-jenis hukuman di bawah undang-undang?

Undang-undang menetapkan pelbagai hukuman yang boleh dikenakan. Ini termasuk:

- (a) Denda
- (b) Pemenjaraan
- (c) Sebatan
- (d) Penahanan Pencegahan
- (e) Latihan Pembetulan
- (f) Probesen
- (g) Latihan Pemulihan
- (h) Hukuman Berlandaskan Masyarakat

Berikut adalah huraian bagi setiap satu hukuman.

(a) Denda

Denda adalah hukuman berbentuk kewangan yang dikenakan ke atas anda oleh mahkamah. Jika anda tidak membayar denda yang dikenakan, anda mungkin harus menjalani hukuman penjara. Hukuman “ingkar denda” ini akan diumumkan oleh mahkamah dan ia tidak boleh undur tarikh atau diperintahkan untuk dijalankan serentak dengan tempoh penjara yang lain. Oleh itu, anda harus mengambil langkah-langkah wajar untuk membayar denda dengan segera. Pada mana-mana ketika, semasa anda sedang menjalani hukuman penjara kerana ingkar membayar denda, jika anda boleh membuat pembayaran untuk denda (ataupun seseorang boleh membuat demikian bagi pihak anda), anda seharusnya memberitahu pegawai-pegawai yang berkenaan di Penjara dengan segera, supaya anda boleh dibebaskan selepas baki bayaran dilunaskan (dikira berdasarkan berapa lama anda telah menjalani hukuman penjara pada waktu pembayaran).

Anda juga boleh memohon supaya denda anda dibayar secara ansuran. Namun, sama ada pelan pembayaran ansuran yang anda cadangkan akan diluluskan bergantung kepada budi bicara Hakim. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman web kami di www.judiciary.gov.sg.

Anda boleh memohon untuk membayar sebarang denda melalui ansuran. Namun, terpulang kepada Hakim untuk meluluskan permintaan anda.

(b) Pemencaraan

Pemencaraan bermaksud anda akan dipencarakan untuk jangka masa yang akan ditentukan oleh mahkamah.

(c) Sebatan

Sebatan boleh atau mesti dikenakan oleh mahkamah untuk kesalahan-kesalahan tertentu. Mahkamah akan menentukan jumlah sebatan rotan yang akan dikenakan jika anda diperintahkan untuk disebat.

Sebatan hanya boleh dikenakan ke atas pesalah lelaki di bawah umur 50 tahun. Jika pesalah sedemikian menerima hukuman sebatan pada satu-satu masa yang sama untuk lebih daripada satu kesalahan yang boleh dihukum dengan sebatan, jumlah maksimum sebatan yang boleh dikenakan oleh mahkamah bagi kesemua kesalahan ini ialah 24. Jika anda adalah seorang wanita ataupun lelaki berumur 50 tahun atau lebih, anda tidak boleh dikenakan sebatan. Tetapi, walaupun mahkamah tidak boleh mengenakan hukuman sebatan terhadap anda, mahkamah boleh sebaliknya mengenakan hukuman penjara yang lebih lama ke atas anda. Pemencaraan tambahan ini tidak boleh melebihi 12 bulan.

(d) Penahanan Pencegahan

Penahanan pencegahan adalah satu rejim berbeza daripada pemenjaraan yang melibatkan penahanan seorang pesalah untuk tempoh minima 7 tahun sehingga maksima 20 tahun. Ia hanya akan dikenakan apabila mahkamah berpuas hati bahawa anda harus ditahan di dalam penjara untuk jangka masa yang lama demi melindungi orang awam. Mahkamah Daerah ataupun Mahkamah Tinggi boleh mengenakan penahanan pencegahan ke atas seorang pesalah yang berumur sekurang-kurangnya 30 tahun dan yang pernah mempunyai sekurang-kurangnya 3 sabitan sejak dia telah mencapai umur 16 tahun, yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam s 304(2) Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68).

(e) Latihan Pembetulan

Latihan pembetulan adalah satu bentuk hukuman yang mempunyai banyak persamaan dengan hukuman penjara. Jika dijatuhkan hukuman pembetulan, anda akan menerima latihan untuk membetulkan akhlak untuk tempoh masa yang panjang, diikuti dengan tempoh pengawasan jika dibebaskan sebelum tamat tempoh hukuman anda. Walau bagaimanapun, tempoh latihan pembetulan, jika dikenakan, adalah untuk tempoh minima 5 tahun, dan sehingga tempoh maksima 14 tahun. Jika kriteria yang dinyatakan dalam s 304(1) Kod Prosedur Jenayah (Bab 68) dipenuhi, mahkamah akan mengenakan latihan pembetulan jika berpuas hati bahawa ia diperlukan atau akan mencapai matlamat pemulihan akhlak pesalah dan pencegahan jenayah, melainkan terdapat sebab-sebab khusus untuk tidak melakukannya. Mahkamah Daerah ataupun Mahkamah Tinggi tidak boleh mengenakan latihan pembetulan ke atas anda jika anda berusia bawah 18 tahun. Sebelum menjatuhkan hukuman latihan pembetulan kepada mana-mana pesalah, mahkamah harus meminta dan mempertimbangkan laporan yang disediakan oleh Pihak Penjara mengenai keadaan fizikal dan mental pesalah dan kesesuaiannya untuk menjalani latihan pembetulan.

(f) Probesen

Seorang pesalah boleh dikenakan probesen dan tidak dihukum denda ataupun penjara. Pesalah tersebut akan diawasi oleh seorang pegawai probesen selama 6 bulan hingga 3 tahun.

Jika anda dikenakan probesen, secara umum anda bebas untuk melaksanakan kegiatan harian anda. Namun, anda tidak boleh mengulangi kesalahan dan harus mematuhi syarat-syarat yang disertakan dalam probesen anda, sebagai contoh, anda harus mematuhi perintah berkurung, melakukan kerja kemasyarakatan dan menghadiri kaunseling atau sebarang program yang diperlukan untuk pemulihan anda. Jika anda gagal berbuat demikian, perintah probesen anda boleh dibatalkan dan sebaliknya denda ataupun pemenjaraan akan dikenakan. Jika anda dibawah umur 21 tahun, latihan pemulihan boleh dikenakan sebagai hukuman kerana melanggar perintah probesen. Apabila berjaya menjalani perintah probesen dengan syarat-syarat yang ditetapkan, kesalahan yang dilakukan anda tidak akan dianggap sebagai satu kesalahan jenayah terdahulu.

Dalam memutuskan untuk membuat perintah probesen, mahkamah harus mempertimbangkan jenis dan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan, perwatakan pesalah, dan laporan yang disiapkan oleh pegawai probesen. Probesen lazimnya diperintahkan untuk pesalah dibawah umur 21 tahun tetapi pesalah dewasa berumur lebih dari 21 tahun juga boleh diperintahkan untuk diletakkan di bawah probesen dalam kes-kes tertentu.

Jika anda gagal mematuhi syarat-syarat probesen anda, probesen tersebut boleh dibatalkan dan denda ataupun pemenjaraan akan dikenakan.

(g) Latihan Pemulihan

Pesalah-pesalah melebihi umur 16 tahun tetapi di bawah umur 21 tahun boleh dikenakan hukuman latihan pemulihan. Dibandingkan dengan probesen, latihan pemulihan merupakan hukuman yang lebih berat yang memerlukan pesalah itu ditahan di dalam persekitaran berstruktur. Tetapi, pemulihan tetap akan ditekankan kerana pesalah tersebut perlu menghadiri program-program ataupun kaunseling untuk menangani kelakuan yang menyalahi undang-undang. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengenakan tempoh tahanan minima selama 6 atau 12 bulan. Budi bicara sedemikian mungkin akan dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan khusus pemulihan untuk pesalah dan keperluan untuk mencegah pesalah daripada melakukan kesalahan tersebut sekali lagi.

Sebelum mengenakan apa-apa hukuman latihan pemulihan kepada anda, mahkamah mesti meminta dan mempertimbangkan laporan yang disediakan oleh Pihak Penjara, yang akan mengemukakan keadaan fizikal dan mental anda, kesesuaian anda untuk hukuman tersebut dan jenis pemulihan yang disyorkan. Sekiranya mahkamah meminta laporan kesesuaian latihan pemulihan sebelum menjatuhkan hukuman, satu salinan akan diberikan kepada anda. Harap maklum bahawa tempoh tahanan minima selama 6 atau 12 bulan yang diperintahkan oleh mahkamah boleh dilanjutkan mengikut undang-undang. Anda boleh merujuk kepada s 305 Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68) dan Peraturan Kanun Prosedur Jenayah (Latihan Pemulihan) 2018 untuk maklumat lanjut.

(h) Hukuman Berlandaskan Masyarakat

Hukuman berlandaskan masyarakat akan dibincang dalam segmen seterusnya.

(B) Mahkamah Masyarakat dan Hukuman Berlandaskan Masyarakat**(a) Apakah itu Hukuman Berlandaskan Masyarakat?**

Hukuman Berlandaskan Masyarakat (CBS) telah diperkenalkan pada 2010 untuk memberikan penghukuman yang lebih fleksibel. Mahkamah-mahkamah telah diberikan pilihan penghukuman bersengat untuk kesalahan-kesalahan ringan. Dalam kes-kes yang sesuai, mahkamah akan mempertimbangkan CBS sebagai ganti untuk hukuman seperti pemenjaraan ataupun denda. Seksyen 337 Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68) menetapkan keadaan yang mana pesalah layak untuk CBS. Kelayakan CBS biasanya bergantung kepada rekod terdahulu pesalah dan juga sifat kesalahan yang dilakukan.

Jika CBS disempurnakan dengan berjaya, pesalah itu akan dianggap tiada rekod sabitan.

(b) Apakah perintah-perintah CBS yang boleh dibuat?**CBS termasuk:**

- (i) Perintah Rawatan Mandatori (MTO)
- (ii) Perintah Pelaporan Siang Hari (DRO)
- (iii) Perintah Kerja Kemasyarakatan (CWO)
- (iv) Perintah Khidmat Kemasyarakatan (CSO)
- (v) Perintah Penahanan Singkat (SDO)

(i) PERINTAH RAWATAN MANDATORI

Perintah Rawatan Mandatori (MTO) memerlukan seorang pesalah yang menghidapi masalah psikiatrik tertentu yang boleh dirawat untuk melalui rawatan untuk tempoh tidak melebihi 36 bulan. Sebelum memutuskan untuk memerintahkan MTO, mahkamah akan mengarahkan laporan daripada seorang pakar psikiatri yang dilantik oleh Institusi Kesihatan Mental (IMH) disiapkan. Selain daripada s 337(1), anda juga boleh merujuk kepada s 337(2) Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68) dan Peraturan Kanun Prosedur Jenayah (Kesalahan Yang Ditetapkan bagi Perintah Rawatan Mandatori) 2018 untuk menilai sama ada anda boleh dipertimbangkan untuk MTO.

Jika mahkamah memberitahu anda bahawa laporan kesesuaian MTO diperlukan, anda mempunyai pilihan untuk melantik pakar psikiatri anda sendiri untuk menyiapkan laporan. Laporan yang dibuat oleh pakar psikiatri anda sendiri boleh diserahkan kepada pakar psikiatri yang dilantik oleh mahkamah, untuk dipertimbangkan. Namun, laporan yang dibuat oleh pakar psikiatri yang dilantik oleh mahkamah akan dianggap sebagai muktamad dan konklusif dalam dapatannya dan satu salinan akan diberikan kepada anda.

MTO tidak boleh dibuat melainkan pakar psikiatri yang dilantik berpendapat bahawa anda mengalami keadaan psikiatri yang bersesuaian kepada rawatan, bahawa anda sesuai untuk rawatan, dan keadaan psikiatri adalah salah satu faktor penyumbang kepada perbuatan kesalahan tersebut.

Sebelum memerintahkan MTO, mahkamah akan menerangkan kepada anda tujuan dan kesan perintah tersebut, terutamanya, kewajipan anda di bawah perintah itu. Akibat kegagalan mematuhi sebarang kewajipan ataupun syarat-syarat yang dikenakan juga akan diterangkan kepada anda oleh mahkamah. Untuk maklumat lanjut, anda boleh rujuk kepada seksyen 339 Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68).

(ii) PERINTAH PELAPORAN SIANG HARI

Perintah Pelaporan Siang Hari (DRO) ditadbirkan oleh Perkhidmatan Penjara Singapura dan memerlukan pesalah melaporkan diri kepada pusat pelaporan siang hari untuk pemantauan, kaunseling dan melalui program-program pemulihan. Hakim akan mempertimbangkan jenis kesalahan dan perwatakan anda dalam memutuskan sama ada untuk membuat perintah pelaporan siang hari.

Hakim akan mengarahkan satu laporan disiapkan oleh seorang pegawai pelaporan siang hari mengenai kemungkinan kesan-kesan kaunseling dan pemulihan anda. Tempoh perintah tersebut bermula dari 3 bulan hingga 12 bulan, dan mungkin mengandungi syarat-syarat yang dikenakan oleh mahkamah, sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah. Hakim juga akan menerangkan tujuan dan kesan DRO dan kesan-kesan melanggar DRO tersebut. Untuk maklumat lanjut rujuk kepada seksyen 341 Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68).

(iii) PERINTAH KERJA KEMASYARAKATAN

Jika Perintah Kerja Kemasyarakatan (CWO) dikeluarkan, pesalah itu harus melaksanakan kerja kemasyarakatan berkaitan dengan kesalahan yang telah dilakukan. Kerja ini tidak bergaji dan akan diselia oleh seorang pegawai kerja kemasyarakatan. Namun, perintah seperti ini belum ada kerana kesalahan-kesalahan yang akan dikaitkan dengan CWO belum lagi ditetapkan oleh Parlimen.

(iv) PERINTAH KHIDMAT KEMASYARAKATAN

Perintah Khidmat Kemasyarakatan (CSO) boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah untuk pemulihan mereka dan untuk mereka berbaik semula dengan masyarakat dengan melaksanakan khidmat kemasyarakatan tanpa gaji di bawah penyeliaan seorang pegawai yang diberi kuasa.

Dalam membuat keputusan sama ada untuk mengenakan perintah ini terhadap anda, mahkamah akan tentukan sama ada ia akan membolehkan pemulihan anda. Mahkamah harus berpuas hati berdasarkan keadaan mental dan fizikal anda, yang anda sesuai untuk melaksanakan khidmat kemasyarakatan. Mahkamah akan mengarahkan satu laporan dibuat sebelum membuat perintah khidmat kemasyarakatan. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada seksyen 346 Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68).

(v) PERINTAH PENAHANAN SINGKAT

Jika Perintah Penahanan Singkat (SDO) dilakukan, pesalah itu boleh ditahan di penjara untuk tempoh tidak melebihi 14 hari. Berdasarkan keadaan-keadaan kes, jenis kesalahan dan perwatakan pesalah, mahkamah boleh kenakan SDO, yang akan memberi pesalah pengalaman yang 'singkat, mendadak dan mengejutkan' mengenai kehidupan penjara. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada seksyen 348 Kanun Prosedur Jenayah (Bab 68).

Adalah penting bagi anda untuk mematuhi syarat-syarat CBS. Sekiranya tidak, ianya boleh dibatalkan oleh Mahkamah yang kemudiannya akan menjatuhkan hukuman seperti biasa untuk kesalahan-kesalahan itu.

(c) Mengapa kes saya dihantar ke Mahkamah Masyarakat?

Kes-kes yang sesuai untuk CBS secara umumnya dihantar ke Mahkamah Masyarakat untuk diuruskan. Mahkamah Masyarakat mengamalkan pendekatan menyelesaikan masalah yang menggabungkan keadilan jenayah dan sumber-sumber masyarakat untuk respons yang menyeluruh. Tambahan kepada prinsip-prinsip pencegahan dan pembalasan, Mahkamah Masyarakat terikat kepada dua prinsip iaitu pemulihan dan pencegahan.


Kes-kes yang menepati kriteria berikut boleh dirujuk ke Mahkamah Masyarakat:

- i. Kes-kes melibatkan pesalah-pesalah berumur 16 hingga 18 tahun.
- ii. Kes-kes melibatkan pesalah-pesalah di bawah umur 21 tahun yang pernah didakwa atas kesalahan-kesalahan mencuri, keganasan, seks, perjudian ataupun kesalahan berkaitan dadah.
- iii. Kes-kes terpilih melibatkan pesalah yang mempunyai gangguan mental.
- iv. Kes-kes cuba membunuh diri.
- v. Kes-kes keganasan keluarga.
- vi. Kes-kes penderaan dan kekejaman terhadap binatang.
- vii. Kes-kes yang membawa kesan kepada hubungan berbilang bangsa.
- viii. Kes-kes terpilih melibatkan tertuduh berumur 65 tahun atau lebih.
- ix. Kes-kes terpilih melibatkan tertuduh dengan masalah-masalah ketagihan kronik.
- x. Kes-kes mencuri di kedai.

Jika kes anda termasuk di dalam senario-senario yang dinyatakan dalam seksyen 337(1) Kanun Prosedur Jenayah, CBS mungkin tidak berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti sama ada kes anda layak untuk CBS, anda boleh bertanya kepada Hakim.

(C) Prosedur Penghukuman

Gambaran menyeluruh Proses Penghukuman



Setelah anda disabitkan, sama ada sebab anda telah mengaku salah ataupun anda didapati bersalah pada penghujung perbicaraan, anda akan dihukum. Di peringkat ini, seorang Hakim akan memutuskan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas anda. Prosedur penghukuman tertera di bawah untuk kefahaman mudah anda. Langkah 1 hingga 3 hanya boleh digunakan jika anda telah memilih untuk mengaku salah (PG) tanpa perbicaraan. Jika anda dihukum selepas perbicaraan, anda boleh terus ke Langkah 4.

Langkah 1: Mengambil Pengakuan (Hanya untuk kes PG)

Pertuduhan anda akan dibacakan kepada anda oleh jurubahasa mahkamah. Anda kemudian dikehendaki menyatakan sama ada anda ingin mengaku salah atau minta bicara. Jika anda berniat mengaku salah, anda boleh memberitahu mahkamah.

Langkah 2: Keterangan Fakta (Hanya untuk kes PG)

Setelah anda menyatakan niat anda untuk mengaku salah, keterangan fakta akan dibacakan kepada anda. Keterangan fakta ini mengandungi fakta yang berkaitan dengan kesalahan anda. Dengar dengan teliti fakta tersebut. Setelah fakta tersebut dibacakan kepada anda, anda akan ditanya untuk menyatakan sama ada anda mengaku kepada fakta tersebut. Jika anda tidak setuju dengan sebarang fakta, anda mesti memberitahu mahkamah dan juga memberitahu pendakwa bahagian keterangan fakta yang anda ingin mempertikaikan. Jika ini berlaku, mahkamah boleh menghentikan kes buat seketika untuk membenarkan Pendakwa dan anda menyelesaikan pertikaian.

Mahkamah hanya akan meneruskan untuk mensabitkan anda jika anda mengaku sepenuhnya dengan keterangan fakta. Jika terdapat fakta matan yang mendukung unsur-unsur kesalahan yang tidak dapat dipersetujui, mahkamah tidak akan menerima pengakuan anda dan kes anda harus dibicarakan.

Jika anda tidak setuju dengan mana-mana bahagian keterangan fakta, anda harus memberitahu mahkamah. Jika terdapat fakta penting yang tidak boleh disetujui, kes anda akan dibicarakan.

Langkah 3: Sabitan (bagi kes-kes PG sahaja)

Jika anda mengaku salah dan setuju dengan keterangan fakta, Hakim akan terus mensabitkan anda jika berpuas hati berdasarkan fakta yang diperakui, bahawa semua elemen kesalahan telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah. Anda juga boleh disabitkan kesalahan di penghujung perbicaraan.

Langkah 4: Pertuduhan yang dipertimbangkan (pertuduhan TIC)

Setelah disabitkan kesalahan, Pihak Pendakwa akan memberitahu mahkamah jika ada pertuduhan-pertuduhan yang mereka mahu mahkamah ambil pertimbangan bagi tujuan penghukuman. Pertuduhan ini disebut sebagai 'TIC charges' ataupun pertuduhan yang dipertimbangkan. Contohnya, Sally menghadapi 5 pertuduhan mencuri. Apabila Sally menyatakan bahawa beliau mahu mengaku salah, Pihak Pendakwa memutuskan hanya meneruskan dengan 2 pertuduhan, dan membenarkan baki pertuduhannya dipertimbangkan bagi tujuan penghukuman. Ini bermakna Sally hanya akan disabitkan kesalahan dan dihukum untuk 2 pertuduhan, bukan kesemua 5 pertuduhan. Namun, bila mengemukakan hukuman yang paling sesuai, Pihak Pendakwa akan menyarankan kepada mahkamah untuk dipertimbangkan hakikatnya bahawa Sally mempunyai 3 lagi pertuduhan yang telah dipertimbangkan untuk tujuan penghukuman.

Jika terdapat pertuduhan TIC, pertuduhan ini akan diterangkan kepada anda oleh jurubahasa. Setelah pertuduhan-pertuduhan ini diterangkan, jurubahasa akan bertanya sama ada anda mengaku pertuduhan tersebut dan juga sama ada anda membenarkan ia dipertimbangkan untuk tujuan penghukuman. Jika anda enggan berbuat demikian, Hakim tidak boleh mempertimbangkan pertuduhan tersebut. Ini juga bermakna Pihak Pendakwa mungkin akan meneruskan perbicaraan terhadap anda bagi baki pertuduhan tersebut.

Secara umum, jika anda tidak mempertikaikan pertuduhan tersebut, adalah lebih baik anda membenarkan pertuduhan TIC dipertimbangkan, ini adalah untuk mengelakkan risiko di mana Pihak Pendakwa meneruskan pertuduhan secara berasingan ke atas anda. Walaupun satu pertuduhan TIC mungkin menambahkan hukuman keseluruhan yang akan anda terima, besar kemungkinan ia akan tetap lebih rendah jika Pihak Pendakwa meneruskan dengan kesemua pertuduhan ke atas anda.

Langkah 5: Rekod Jenayah

Seterusnya Pihak Pendakwa akan memberitahu mahkamah tentang rekod jenayah anda yang lalu (rekod latar belakang atau latar belakang). Rekod jenayah akan ditunjukkan dan diterangkan kepada anda. Anda akan diminta untuk mengesahkan sama ada rekod itu tepat. Jika anda setuju, anda akan berpindah ke langkah seterusnya. Jika anda tidak setuju, Pihak Pendakwa harus membuktikan kandungan rekod jenayah tersebut melalui perbicaraan Newton. Untuk keterangan lanjut mengenai perbicaraan Newton, sila rujuk ke seksyen D di bawah.

Langkah 6: Penghujahan Pihak Pendakwa tentang Hukuman

Pihak Pendakwa akan memberikan saranan ke atas hukuman yang bakal dijatuhkan oleh mahkamah. Mereka boleh rujuk kepada kes-kes terdahulu, contohnya hukuman yang dikenakan ke atas kes-kes yang sama yang dibuat oleh Mahkamah Negara ataupun Mahkamah Tinggi. Ini dikenali sebagai penghujahan. Anda harus dengar dengan teliti. Jika anda tidak setuju kes-kes tertentu dibandingkan dengan kes anda, anda harus mengambil nota dan memberitahu mahkamah apabila tiba giliran anda pula untuk mengetengahkan rayuan peringanan. Jangan mencelah prosiding mahkamah.

Langkah 7: Rayuan meringankan hukuman

Setelah Pihak Pendakwa menyampaikan hujah-hujahnya, anda akan diminta untuk menyampaikan rayuan peringanan anda kepada Hakim. Tujuan rayuan meringankan hukuman adalah untuk anda mengetengahkan fakta-fakta berkaitan dengan rayuan peringanan kepada Hakim supaya kelonggaran dapat diberikan sewaktu menjatuhkan hukuman. Jika anda tidak bersetuju dengan saranan Pihak Pendakwa tentang hukuman terhadap anda ataupun tentang kes-kes yang sama dan terdahulu, ini juga adalah peluang anda untuk memberitahu mahkamah.

Jika anda tidak bersetuju dengan Pihak Pendakwa tentang hujah atau saranan hukuman kes anda, anda boleh memberitahu Hakim semasa rayuan minta meringankan hukuman.

Susunan di bawah ini mengandungi faktor-faktor yang kerap digunakan semasa rayuan meringankan hukuman. Faktor-faktor rayuan peringanan di bawah ini tidak menyeluruh. Peguam adalah orang yang terbaik untuk menasihati anda mengenai faktor rayuan peringanan yang berkaitan dengan kes anda.

Lihat susunan tersebut dengan teliti dan pertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan dengan situasi anda. Anda digalakkan untuk menyiapkan rayuan peringanan anda sebelum perbicaraan. Rayuan boleh dibuat kepada Hakim secara lisan ataupun bertulis. Namun, anda digalakkan menyiapkan dan menyerahkan rayuan kepada Hakim sebelum perbicaraan. Ini akan memberikan Hakim masa yang mencukupi untuk mempertimbangkan rayuan peringanan anda.

| Faktor Rayuan peringanan | Penjelasan |
|--------------------------|---|
| Umur | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah anda di bawah umur 21 tahun? Secara umum, mahkamah menunjukkan belas kasihan kepada pesalah muda memandangkan mereka di dalam umur pembentukan dan masih boleh diperbetulkan. |
| Rancangan Masa depan | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Niat untuk menghindari jenayah di masa depan ▶ Apa yang anda rancang untuk lakukan selepas menjalani hukuman untuk memastikan anda kekal bebas dari jenayah? |
| Masalah Psikiatrik | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah anda mempunyai sebarang dokumen perubatan yang menunjukkan bahawa anda mengalami masalah mental yang mungkin menyebabkan anda melakukan kesalahan tersebut? |
| Rekod Jenayah | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah anda mempunyai rekod jenayah yang bersih? ▶ Adakah ini kesalahan anda yang pertama? |
| Tahap bekerjasama | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah anda mengaku salah pada peringkat awal sebab anda menyesal dengan apa yang telah anda dilakukan? ▶ Adakah anda bekerjasama dengan pihak polis? *Contohnya membantu mereka di dalam siasatan mereka terhadap tertuduh bersama. ▶ Adakah anda menyerahkan diri kepada polis? |

| Faktor Rayuan peringanan | Penjelasan |
|--------------------------|---|
| Restitusi | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah anda cuba untuk mengurangkan kecederaan/kemudaratan/kesakitan/kerusakan terhadap mangsa? ▶ Adakah anda membayar pampasan kepada mangsa? |
| Jenayah | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah anda meraih manfaat dari perbuatan jenayah tersebut? ▶ Adakah kecederaan / kemudaratan / kesakitan / kerosakkan yang disebabkan serius? ▶ Sejauh manakah peranan anda dalam perbuatan jenayah itu? ▶ Mengapa anda melakukan jenayah itu? ▶ Adakah anda tertekan untuk melakukan kesalahan tersebut? Apakah tekanan itu dan dari manakah puncanya? ▶ Adakah anda menerima arahan dari seseorang? ▶ Adakah anda merancang sebelum melakukan kesalahan itu? |
| Bangkitan Kemarahan | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Adakah seseorang atau sesuatu yang membangkitkan kemarahan anda untuk melakukan kesalahan? Jika ia, dengan cara apa? |

Sila ambil perhatian bahawa jika anda menyerahkan rayuan peringanan anda kepada Hakim, anda juga harus membuat satu salinan untuk Pihak Pendakwa. Kedua salinan ini harus diserahkan serentak.

Sekiranya anda ingin membuat rayuan peringanan hukuman selepas mengaku bersalah, sila ambil perhatian bahawa jika anda memutuskan untuk menimbulkan sebarang dakwaan dalam rayuan tersebut yang mana jika didapati benar, akan bermakna segala elemen pertuduhan masih belum terbukti terhadap anda dan dengan itu mahkamah akan menganggap pengakuan bersalah anda itu “bersyarat”. Ini adalah kerana sesuatu sabitan hanya boleh direkodkan sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa setiap elemen pertuduhan telah dibuktikan terhadap anda. Akibat daripada pengakuan bersalah yang “bersyarat” ini, mahkamah akan memberi arahan untuk anda dibicarakan. Anda kemudian akan dikehendaki kembali ke mahkamah untuk mendapatkan arahan berkaitan dengan percikaraan dan pihak pendakwa pula harus

membuat persediaan untuk mengemukakan segala bukti yang diperlukan untuk perbicaraan. Seperti yang ditekankan di atas, mahkamah menganggap pengakuan bersalah pada peringkat awal sebagai sesuatu yang berpihak kepada anda dan akan mengambil ini dalam pertimbangan apabila menjatuhkan hukuman, sekiranya mahkamah berpuas hati pengakuan awal itu menunjukkan kesesalan.

Langkah 8: Jawapan Pihak Pendakwa

Setelah anda menyerahkan rayuan peringanan anda, Pihak Pendakwa akan diberikan peluang untuk menjawab rayuan meringankan hukuman anda.

Langkah 9: Pengumuman Hukuman

Setelah Hakim mendengar anda dan Pihak Pendakwa, beliau akan mempertimbangkan hukuman yang sesuai untuk dikenakan. Contoh pertimbangan yang mempengaruhi keputusan Hakim adalah:

- ▶ Jenis dan juga betapa beratnya/seriusnya kesalahan tersebut.
- ▶ Keadaan di mana anda melakukan kesalahan.
- ▶ Darjah perancangan.
- ▶ Tahap dan jenis kerosakkan/kecederaan/kesakitan/kemudaratan yang dilakukan.
- ▶ Rekod jenayah anda.
- ▶ Keadaan peribadi yang boleh dijadikan asas rayuan peringanan.

Apabila Hakim sudah bersedia, beliau akan mengumumkan hukuman. Ini boleh berlaku seurus selepas mendengar rayuan peringanan didengar atau semasa perbicaraan yang ditunda.

Jika anda tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan, anda boleh memfailkan rayuan dalam masa 14 hari kalendar hukuman diumumkan. Maklumat lanjut mengenai Rayuan boleh didapati di Bab 7 – Rayuan.

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim, anda boleh memfailkan rayuan terhadap sabitan atau hukuman, atau kedua-duanya sekali.

Langkah 10: Penundaan / Penangguhan Hukuman

Jika hukuman telah dijatuhkan ke atas anda, anda harus menjalani hukuman itu serta-merta. Namun, dalam keadaan terkecuali, anda boleh meminta mahkamah menangguhkan permulaan hukuman anda.

Jika anda ingin menangguhkan permulaan hukuman anda, anda harus memberitahu mahkamah sebaik sahaja hukuman diumumkan. Permintaan anda haruslah di atas sebab-sebab yang kukuh. Jika anda dalam jaminan, penjamin anda juga harus hadir dan bersetuju dengan permintaan anda. Pihak Pendakwa akan diminta untuk memberikan respons terhadap permintaan anda. Mereka mungkin membantah atau bersetuju dengan permohonan anda untuk menangguhkan permulaan hukuman anda. Ketahuilah bahawa walaupun Pihak Pendakwa bersetuju dengan permohonan anda, kemungkinan besar mereka akan memohon supaya jaminan dikenakan ataupun menaikkan jumlah jaminan yang sedia ada.

Jika permohonan anda untuk menundakan permulaan hukuman diluluskan, Hakim berkemungkinan akan mengenakan syarat-syarat yang anda harus patuhi. Khususnya, anda mesti menyerahkan diri di mahkamah apabila tempoh penundaan itu tamat.

Harap maklum jika Hakim meluluskan permohonan anda dan mengenakan jaminan ataupun jumlah jaminan dinaikkan, penundaan tersebut tidak akan diberikan sekiranya anda tidak dapat mengadakan jaminan. Dalam keadaan sebegini, hukuman anda akan bermula serta merta.

(D) Perbicaraan Newton

Perbicaraan Newton boleh diadakan di sebarang peringkat dalam proses penghukuman apabila terdapat sebarang pertikaian fakta matan yang mungkin membawa kesan terhadap hukuman yang bakal dikenakan kepada pesalah berikutan

sabitannya. Ini biasa dikenali sebagai "Perbicaraan Newton". Contoh pertikaian sebegini adalah laporan perubatan yang bercanggah tentang sama ada seseorang pesalah menghadapi penyakit mental sewaktu melakukan kesalahan yang berkemungkinan mengurangkan tahap kebersalahannya (iaitu patut dipersalahkan), kebenaran sesuatu fakta atau pernyataan yang digunakan oleh pesalah di dalam rayuan peringatannya atau apabila pesalah mempertikaikan rekod jenayahnya. Dalam situasi sebegini, mahkamah mungkin menetapkan Perbicaraan Newton.

Perbicaraan Newton dijalankan serupa dengan perbicaraan. Kedua-dua tertuduh dan Pihak Pendakwa akan diberikan peluang untuk memanggil saksi masing-masing sebelum menyampaikan hujah-hujah. Prosedur untuk menyoal saksi di dalam perbicaraan Newton sama seperti yang terdapat dalam perbicaraan biasa yang merangkumi 3 peringkat: (i) Pemeriksaan Utama; (ii) Pemeriksaan Balas; dan (iii) Pemeriksaan Semula. Anda boleh merujuk ke Bab 5- (Perbicaraan) untuk maklumat lanjut mengenai pemeriksaan saksi.

Di akhir Perbicaraan Newton, Hakim akan mengumumkan keputusan beliau mengenai isu fakta yang dipertikaikan. Setelah Hakim membuat keputusan, beliau akan meneruskan proses penghukuman selanjutnya.

BAB 7

RAYUAN

- (A) Apa itu Rayuan?
- (B) Prosedur Rayuan
- (C) Jaminan sementara menunggu Rayuan

BAB 7

RAYUAN

(A) Apa itu Rayuan?

Rayuan difailkan oleh pihak yang tidak berpuas hati supaya mahkamah rayuan menarik balik keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang lebih rendah. Rayuan boleh difailkan oleh anda atau Pihak Pendakwa. Untuk kes-kes di mana kedua-dua pihak tidak setuju dengan keputusan mahkamah, kedua-dua pihak boleh memfailkan rayuan.

(1) *Apa yang boleh dirayu?*

Anda hanya boleh merayu terhadap keputusan yang dibuat oleh Hakim. Ini bermakna jika anda disabitkan kesalahan selepas anda mengaku salah, anda tidak boleh merayu terhadap sabitan anda. Anda boleh, jika perlu, merayu terhadap hukuman anda. Namun, jika anda disabitkan dan dijatuhkan hukuman selepas perbicaraan, anda boleh memutuskan sama ada mahu merayu terhadap sabitan, hukuman atau kedua-duanya.

(2) *Bolehkah saya memfailkan rayuan jika saya mahu menarik balik pengakuan salah saya selepas dijatuhkan hukuman?*

Tidak. Anda harus memohon untuk mendapatkan Semakan Jenayah di Mahkamah Tinggi untuk mengeneipkan sabitan tersebut.

Jika anda mengaku salah atas sesuatu kesalahan, anda hanya boleh merayu terhadap hukuman anda. Jika anda disabitkan kesalahan di perbicaraan, anda boleh merayu terhadap sabitan atau hukuman atau kedua-duanya.

(B) Prosedur Rayuan

(1) Bagaimana saya memfailkan rayuan saya?

Anda harus melengkapkan dan menyerahkan satu salinan Notis Rayuan kepada Pejabat Pendaftaran Pusat di aras 2, Menara Mahkamah Negara. Yuran⁷ yang dikenakan harus dibayar pada waktu penyerahan. Sampel Notis Rayuan boleh didapati di bahagian belakang buku Panduan.

Notis Rayuan anda mesti mengandungi alamat untuk penyerahan notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan anda. Satu salinan Kad Pengenalan anda dan nombor di mana anda boleh dihubungi harus diberikan. Jika anda diwakili peguam, anda harus sertakan nama peguam, nombor rujukan, alamat, nombor talipon dan faks dalam Notis Rayuan. Jika anda memfailkan bagi pihak syarikat, sila lampirkan surat kuasa yang sah daripada syarikat anda. Anda juga perlu menandatangani Notis Rayuan bagi pihak syarikat anda.

(2) Adakah saya mempunyai tarikh akhir untuk rayuan?

Anda harus memfailkan rayuan anda dalam masa **14 hari kalendar**⁸ hukuman atau perintah dibuat (termasuk hujung minggu, tetapi tidak termasuk hari hukuman dibuat).

Jika anda telah ingkar tarikh akhir, anda harus memfailkan Usulan Jenayah ke Mahkamah Tinggi untuk memohon perlanjutan masa untuk memfailkan rayuan anda. Jika hakim Mahkamah Tinggi membenarkan perlanjutan masa, anda boleh meneruskan untuk memfail Notis Rayuan di Mahkamah Negara dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.

⁷\$5 untuk tertuduh yang didakwa sebelum 2 Januari 2011, \$50 untuk tertuduh yang didakwa selepas 2 Januari 2011 (Yuran yang dinyatakan di sini adalah tepat pada 2017).

⁸10 hari kalendar jika tertuduh didakwa sebelum 2 Januari 2011.

Anda harus memfailkan Notis Rayuan anda dalam masa 14 hari kalendar (tidak termasuk hari hukuman). Jika tidak, anda harus memfailkan perlanjutan masa di Mahkamah Tinggi.

(3) *Apakah yang akan berlaku selepas Notis Rayuan saya difailkan?*

Selepas Notis Rayuan difailkan, mahkamah akan menyiapkan Alasan Keputusan untuk kes. Alasan Keputusan mengandungi sebab-sebab Hakim membuat keputusannya.

Apabila Alasan Keputusan sudah sedia, satu salinan akan dihantarkan kepada anda atau pengum anda melalui perkhidmatan kurier. Selepas anda menerima Alasan Keputusan dan Nota Keterangan, anda harus pertimbangkan dengan teliti jika anda masih ingin meneruskan rayuan tersebut. Anda mungkin mahu mendapatkan nasihat guaman mengenai baik buruknya rayuan anda sebelum memutuskan untuk meneruskan rayuan tersebut.

(4) *Saya sudah menyemak Alasan Keputusan dan masih ingin meneruskan Rayuan. Apakah yang harus saya buat selanjutnya?*

Jika anda masih ingin meneruskan rayuan anda, anda harus memfailkan Petisyen Rayuan di Pejabat Pendaftaran Pusat di Aras 2, Menara Mahkamah Negara. Petisyen anda harus difailkan dalam masa **14 hari kalendar**⁹ dari tarikh penyampaian Alasan Keputusan dan Nota Keterangan. Jika petisyen anda tidak difailkan selewat-lewatnya pada tarikh akhir, rayuan anda akan dianggap telah ditari balik dan mahkamah perbicaraan akan menguatkuasakan hukuman atau perintahnya.

⁹10 hari kalendar jika tertuduh telah didakwa sebelum 2 Januari 2011.

Jika anda telah memfailkan petisyen anda, Mahkamah Tinggi akan memaklumkan pada anda tarikh- tarikh perbicaraan rayuan selanjutnya.

Anda harus memfailkan Petisyen Rayuan dalam masa 14 hari kalendar selepas menerima Alasan Keputusan dan Nota Keterangan. Jika tidak, rayuan tersebut dikira telah digugurkan.


(C) Jaminan sementara menunggu Rayuan

Jika anda dihukum untuk menjalani hukuman penjara, anda boleh membuat permohonan kepada Hakim untuk dibebaskan dengan jaminan sementara menunggu rayuan. Permintaan ini membolehkan anda menangguhkan hukuman anda sehingga rayuan anda didengar di Mahkamah Tinggi. Mahkamah akan mendengar dari Pendakwa sebelum memutuskan untuk membenarkan permohonan anda.

Ada kemungkinan walaupun jika Pihak Pendakwa tidak membantah permohonan anda, mereka akan memohon supaya jaminan anda dinaikkan. Jika jaminan tidak dapat disediakan, hukuman akan bermula serta-merta.

Namun jika anda berjaya dibebaskan dengan jaminan sementara menunggu rayuan, anda mesti patuh pada terma-terma dan syarat-syarat jaminan. Ini selalunya termasuk syarat untuk anda menyerahkan diri ke mahkamah untuk menjalani hukuman jika anda memutuskan untuk tidak meneruskan rayuan tersebut. Jika anda meneruskan rayuan, anda perlu menghadiri diri pada hari perbicaraan rayuan tersebut.

Jika anda gagal menyerahkan diri, Waran Tangkap akan dikeluarkan terhadap anda. Anda akan ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Selepas itu, anda akan diserahkan ke Jabatan Penjara untuk menjalani hukuman.



BAB 8

**SISTEM PENGURUSAN
KES BERSEPADU (ICMS)**

BAB 8

**SISTEM PENGURUSAN KES
BERSEPADU**

Panduan pintas untuk e-Fail Dokumen anda di Mahkamah

| | |
|----------------------------|--|
| Mengapa gunakan ICMS? | <ul style="list-style-type: none"> ▶ ICMS membolehkan anda memfail dokumen serta permohonan dengan mahkamah, dan menyampaikan kes ▶ e-Fail boleh dibuat pada bila-bila masa |
| Keperluan menggunakan ICMS | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Komputer peribadi yang mempunyai sambungan Internet ▶ Pelayar Internet – Chrome, Firefox, Internet Explorer 9 atau yang lebih tinggi atau Safari ▶ Adobe Reader – untuk melihat dokumen kes ▶ Dokumen dalam format Microsoft Word atau PDF ▶ Pengimbas untuk menukarkan dokumen kertas kepada bentuk elektronik untuk e-Fail (jika perlu) |
| Pendaftaran dan log masuk | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Anda perlu log masuk dengan menggunakan nama pengguna SingPass anda dan kata laluan yang mempunyai 2-Faktor Pengesahan |
| Akses ke eCase fail | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Akses akan diberikan sekiranya Agensi Penguatkuasa Undang-Undang telah memfail pertuduhan terhadap anda. Anda perlu log masuk dengan menggunakan SingPass ▶ Tertuduh yang mewakili diri sendiri juga boleh: <ul style="list-style-type: none"> • Menyerahkan permohonan untuk menukar tarikh mahkamah • Menyerahkan permohonan untuk keluar negara • Memohon tarikh perbicaraan/sebutan dibatalkan • Memohon tarikh sebutan di mahkamah untuk mengubah jaminan • Memohon rekod mahkamah kes anda • Muat naik dokumen |
| Kesukaran Teknikal | <ul style="list-style-type: none"> ▶ Jika anda menghadapi sebarang kesukaran teknikal, seperti memuat naik atau melihat dokumen atau masalah membuat permohonan, anda boleh mendapatkan bantuan dengan menghubungi – 1800 5878423 atau dengan menghantar e-mel ke contact@statecourts.gov.sg ▶ Anda juga boleh merujuk ke ICMS “Panduan Permulaan Pantas untuk Tertuduh” yang terdapat di laman web Mahkamah Negara |

BAB 9

**SOALAN SERING
DITANYA (FAQ)**

BAB 9

SOALAN SERING DITANYA (FAQ)

- 1. S:** Bolehkah saya diberikan lebih banyak masa untuk mengumpulkan wang?

J: Sama ada anda harus diberikan masa untuk mengumpul wang terletak pada budi bicara Mahkamah. Jika anda telah diberikan beberapa penangguhan sebelum ini, besar kemungkinan mahkamah tidak akan memberikan penangguhan lagi. Sebaliknya, mahkamah akan mengambil pengakuan anda. Sila lihat Bab 2(E) tentang “Penangguhan” dan Bab 3(B) tentang “Prosiding di Mahkamah Sebutan Jenayah”.
- 2. S:** Penangguhan terakhir telah diberikan di hari perbicaraan yang lalu. Bolehkah saya diberikan satu lagi penangguhan buat kali terakhir?

J: Keputusan terletak di tangan mahkamah. Jika beberapa penangguhan telah diberikan sebelum ini, besar kemungkinan mahkamah tidak akan memberikan penangguhan lagi. Sebaliknya, mahkamah akan mengambil pengakuan anda. Sila lihat Bab 2(E) tentang “Penangguhan” dan Bab 3(B) tentang “Prosiding di Mahkamah Sebutan Jenayah”.
- 3. S:** Bolehkah saya membayar denda Mahkamah secara ansuran?

J: Ya, tetapi ini bergantung pada budi bicara mahkamah. Sila lihat Bab 6(A)(3) (a) tentang “Denda”. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman web kami di www.judiciary.gov.sg.

4. **S:** Berapa lamakah saya harus menjalani hukuman penjara jika saya gagal membayar denda selepas mengaku salah? Bolehkah hukuman penjara saya itu diundur tarikh?
- J:** Tempoh hukuman penjara bergantung kepada budi bicara Hakim dan sebahagian besarnya bergantung kepada jumlah denda dan jenis kesalahan yang dilakukan. Hukuman penjara tersebut tidak boleh diundur tarikh, atau diperintahkan berjalan 'serentak'. Sila lihat Bab 6(A)(3)(a) tentang "Denda".
5. **S:** Saya ditawarkan bayaran kompaun tetapi jumlahnya terlalu tinggi. Bolehkah saya membayar kompaun secara ansuran?
- J:** Memandangkan kompaun ditawarkan oleh Agensi Pihak Pendakwa, anda boleh berjumpa mereka untuk berbincang sama ada mereka setuju untuk membenarkan anda membayar secara ansuran.
6. **S:** Kawan saya menghadapi pertuduhan yang serupa. Kenapa bayaran kompaun ditawarkan kepadanya tetapi saya sebaliknya?
- J:** Bayaran kompaun ditawarkan oleh Agensi Pihak Pendakwa atas pertimbangan mereka. Antara sebab-sebab kenapa anda tidak ditawarkan bayaran kompaun mungkin termasuk:
- (a) Fakta-fakta dalam kes anda lebih berat jika dibandingkan dengan kes kawan anda.
 - (b) Anda pernah membayar kompaun/disabitkan kesalahan untuk kes yang serupa sebelum ini.
 - (c) Anda pernah ditawarkan bayaran kompaun untuk kes ini tetapi anda tidak berbuat apa-apa dan tawaran tersebut telah luput ataupun ditarik balik.

7. S: Apa itu jaminan wang tunai atau “jaminan IC”? Bolehkah saya mendapatkan “jaminan IC”?

J: “Jaminan IC” tidak boleh digunakan untuk jaminan mahkamah. Namun, jika jumlah jaminan adalah \$15,000 atau lebih rendah, mahkamah boleh membenarkan jaminan dengan tidak menggunakan wang sebagai cagaran. Untuk jaminan melebihi \$15,000, penjamin secara umumnya perlu menyediakan cagaran wang tunai atau yang serupa dengannya. Sila lihat Bab 2(F)(4) tentang “Apakah jenis-jenis cagaran yang boleh digunakan?”

8. S: Apa itu “Surat Kuasa”?

J: Jika anda hadir bagi pihak pertubuhan seperti syarikat, perkongsian atau persatuan anda untuk prosiding mahkamah, anda perlu dilantik sebagai wakil menerusi dokumen bertulis yang ditandatangani oleh pengarah, setiausaha syarikat, rakan kongsi atau presiden (bergantung pada kes) atau seseorang dalam keupayaan serupa. Surat tersebut harus:

- (a) Ditulis dengan menggunakan kepala surat rasmi pertubuhan tersebut
- (b) Ada tanda meterai pertubuhan
- (c) Ada nombor kes dan tarikh perbicaraan
- (d) Ada nama dan jawatan anda
- (e) Ada nama dan jawatan orang yang melantik anda

9. S: Adakah saya mesti membawa Surat Kuasa setiap kali saya hadir di Mahkamah?

J: Ya, sila bawa Surat Kuasa anda setiap kali anda datang untuk perbicaraan. Di setiap perbicaraan, mahkamah perlu mengesahkan bahawa orang yang hadir untuk mewakili syarikat, perkongsian atau persatuan telah diberikan kuasa dan dilantik secara sah.

Sila pastikan bahawa tarikh Surat Kuasa anda tidak luput tarikh (iaitu bukan tarikh mahkamah yang telah berlalu)

10. S: Saya sepatutnya menghadiri mahkamah minggu hadapan tetapi saya baru kehilangan kad pengenalan saya semalam. Saya tidak mempunyai dokumen pengenalan bergambar yang lain. Apa yang harus saya lakukan?

J: Periksa dengan teliti sekiranya anda ada dokumen pengenalan bergambar yang lain (contohnya pasport atau pas kerja yang mengandungi perincian dan gambar anda).

Jika anda benar-benar tidak ada dokumen pengenalan bergambar, sila bawa ke mahkamah dokumen menyokong sebab-sebab anda tidak mempunyai dokumen pengenalan bergambar. Contohnya:

(a) Bukti yang anda telah kehilangan Kad Pengenalan anda (contohnya laporan polis, tuntutan/laporan insuran jika kehilangan Kad Pengenalan disebabkan kes pecah masuk)

(b) Bukti yang anda telah cuba mendapatkan penggantian Kad Pengenalan (Contohnya surat-menyurat dengan ICA)

11. S: Majikan saya, iaitu pengarah syarikat kami, telah didakwa sebagai seorang tertuduh. Saya adalah pembantu pejabatnya. Bolehkah dia menyuruh saya menghadiri mahkamah bagi pihaknya?

J: Jika majikan anda adalah seorang tertuduh, dia harus menghadiri mahkamah untuk menghadapi pertuduhannya sendiri. Anda tidak boleh menghadiri mahkamah bagi pihaknya, sebagai wakilnya. Jika majikan anda gagal menghadiri mahkamah, Waran Tangkap boleh dikeluarkan terhadapnya.

12. S: Saya tidak mahu melakukan Perintah Kerja Pemulihan, saya lebih rela membayar denda yang lebih tinggi. Bolehkah ia dilakukan?

J: Perintah Kerja Pemulihan adalah perintah yang dibuat oleh Hakim. Selepas mensabitkan anda kesalahan membuang sampah, Hakim boleh menghukum anda melakukan Perintah Kerja Pemulihan (kecuali ada alasan yang baik untuk tidak melakukannya, contohnya kecacatan fizikal)

Sebaik sahaja Perintah Kerja Pemulihan dikenakan, anda dikehendaki melakukan Kerja Pemulihan. Sila ambil perhatian bahawa kegagalan anda untuk melakukan kerja pemulihan adalah suatu kesalahan.

13. S: Ini adalah kesalahan saya yang pertama. Bolehkah mahkamah memberikan saya amaran sahaja?

J: Amaran-amaran keras (sebagai ganti pendakwaan) ditadbirkan oleh Polis di bawah arahan Pejabat Peguam Negara. Mahkamah tidak dibolehkan memberi amaran.

14. S: Apakah hukuman yang akan saya terima? Adakah hukuman saya lebih berat jika saya minta bicara?

J: Hukuman maksima tertera di bahagian bawah muka surat pertuduhan anda. Hukuman yang akhirnya dijatuhkan kepada anda bergantung pada berbagai fakta. Hukuman anda tidak semestinya lebih berat hanya kerana anda minta bicara. Namun, jika mahkamah berpuas hati bahawa pengakuan bersalah awal tertuduh bagi menunjukkan kesesalannya, mahkamah boleh mempertimbangkan pengakuan bersalah awal tersebut sebagai faktor peringanan dan dengan itu memberikan diskaun terhadap hukuman yang dijatuhkan. Lihat Bab 2(D) tentang "Mengaku salah lawan Minta Bicara" dan Bab 6(C) tentang "Langkah 9: Pengumuman Hukuman".

- 15. S:** Di mana boleh saya memohon untuk CLAS?
- J: “Skim Bantuan Guaman Jenayah” (CLAS) diselenggarakan oleh Pejabat Perkhidmatan Pro Bono Persatuan Undang-Undang. Anda boleh pergi ke Pejabat Perkhidmatan Pro Bono Persatuan Undang-Undang di HELP Centre di Aras Bawah Pertama (Basement 1) Menara Mahkamah Negara untuk mendapatkan bantuan. Lihat Bab 2(B)(2) tentang “Skim Bantuan Guaman Jenayah”.
- 16. S:** Bagaimanakah caranya saya menyerahkan representasi saya ke AGC?
- J: Anda boleh menyerahkan satu salinan cetak representasi anda ke Pejabat Peguam Negara, 1 Upper Pickering Street, Singapore 058288. Atau, anda boleh menyerahkan representasi anda menerusi e-mel ke AGC di AGC_Crime_Representations@agc.gov.sg.
- 17. S:** Bagaimanakah saya boleh menyerahkan dokumen atau menghubungi AGC?
- J: Alamat Pejabat Peguam Negara ialah 1 Upper Pickering St, Singapore 058288. Untuk maklumat lanjut tentang AGC, anda boleh rujuk laman web mereka di www.agc.gov.sg.

BAB 10

GLOSARI

BAB 10**GLOSARI****Tertuduh**

Seseorang yang dituduh melakukan kesalahan jenayah.

Pembebasan

Keputusan Hakim yang mendapati tertuduh tidak bersalah atas kesalahan yang dihadapkan ke atasnya.

Penangguhan/Sebutan Selanjutnya

Apabila kes tersebut ditangguh ke tarikh berikutnya.

Rekod Jenayah

Rekod jenayah tertuduh yang terdahulu.

Rayuan

Rayuan difailkan oleh pihak yang tidak berpuas hati supaya Mahkamah Rayuan membalikkan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah yang lebih Rendah.

Jaminan

Harta benda atau wang yang dicagarkan kepada mahkamah untuk memastikan tertuduh akan terus menghadiri semua perbicaraan mahkamah selepas beliau dibebaskan dari reman.

Penjamin

Seseorang yang sanggup memberikan cagaran untuk jumlah wang yang diperintahkan oleh mahkamah untuk jumlah jaminan, agar tertuduh boleh dibebaskan dari reman. Seorang penjamin juga dipanggil sebagai 'surety'.

Pertuduhan

Dokumen rasmi yang disediakan oleh Pihak Pendakwa yang mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan jenis kesalahan yang dikatakan telah dilakukan oleh tertuduh.

Minta Bicara

Seseorang tertuduh “minta bicara” jika dia tidak mengaku salah dan ingin membela dirinya atas pertuduhan di perbicaraan.

Sabitkan

Satu pengumuman bersalah oleh Hakim terhadap tertuduh.

Peguam

Seseorang yang mewakili tertuduh dalam sesuatu kes.

Perbicaraan

Prosiding di mahkamah di depan seorang Hakim.

Hukuman Ingkar

Tempoh hukuman penjara yang dijalani oleh tertuduh apabila dia gagal membayar denda yang dikenakan mahkamah.

Rayuan peringanan

Peluang bagi tertuduh menyampaikan fakta-fakta rayuan peringanan yang berkaitan (iaitu sebab atau penjelasan) kepada Hakim untuk keringanan harus diberikan kepadanya semasa penghukuman.

Perbicaraan Newton

Satu perbicaraan tambahan yang dikenali sebagai “Perbicaraan Sampingan”, yang diadakan semasa proses penghukuman apabila terdapat pertikaian pada fakta matan yang mungkin membawa kesan terhadap hukuman yang akan dikenakan ke atas tertuduh berikutan kesabitannya.

Mengaku Salah

Jika seseorang tertuduh mengaku salah, dia mengaku melakukan kesalahan sebagaimana tertera dalam pertuduhan.

Persidangan Sebelum Perbicaraan (PTC)

Persidangan yang diadakan untuk menyediakan semua pihak untuk perbicaraan dan menyelesaikan segala urusan pentadbiran sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan.

Pendakwa/Pihak Pendakwa/Timbangan Pendakwa Raya (DPP)

Para Pendakwa menjalankan prosiding jenayah terhadap tertuduh bagi pihak Negara.

Reman

Apabila tertuduh ditahan Polis sementara penyiasatan dijalankan atau apabila dia tidak dapat dijamin keluar.

Hukuman

Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah ke atas tertuduh yang telah disabitkan pertuduhan ke atasnya.

Keterangan fakta

Keterangan fakta mengandungi fakta yang berkaitan dengan kesalahan tersebut.

Pertuduhan Yang Diketepikan Sementara

Pertuduhan yang diketepikan buat sementara waktu, tetapi Pihak Pendakwa boleh pada tahap kemudian (1) mohon untuk dipertimbangkan (TIC) untuk tujuan penghukuman, (2) mohon untuk meneruskan pertuduhan tersebut atau (3), menarik balik pertuduhan.

Saman kepada saksi

Dokumen yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada seseorang yang memerintahkannya untuk hadir ke mahkamah.

Pertuduhan yang dipertimbangkan (TIC)

Pertuduhan yang dipertimbangkan oleh Hakim dalam menentukan hukuman. Tertuduh tidak dihukum secara berasingan untuk pertuduhan TIC, walaupun hukuman keseluruhan yang dikenakan ke atas tertuduh boleh ditambahkan akibat pertuduhan TIC.

Perbicaraan

Perbicaraan diadakan bagi menentukan sama ada tertuduh bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Keputusan

Keputusan yang dibuat oleh Hakim di akhir perbicaraan untuk menentukan sama ada tertuduh patut disabitkan pertuduhan yang dihadapkan kepadanya.

Saksi

Seseorang yang membuat atau memberikan keterangan. Seorang saksi harus mengangkat sumpah atau berikrar sebelum memberikan keterangannya.

BAB 11

PAUTAN BERGUNA

BAB 11

PAUTAN BERGUNA

Sokongan dan Bantuan Emosi

Kes mahkamah boleh menyebabkan tekanan yang tinggi kepada yang tertuduh. Jika anda menghadapi kesukaran emosi, anda boleh mendapatkan bantuan dan sokongan emosi daripada badan-badan berikut:

(1) ComCare Call Hotline

Bantuan sosial untuk individu dan keluarga berpendapatan rendah

Tel: 1800 222 0000

Web: <https://www.msf.gov.sg/Comcare/Pages/default.aspx>

(2) Samaritans of Singapore (SOS)

Untuk mereka yang berkekrisis, berfikir hendak membunuh diri atau terkesan dengan pembunuhan diri

Tel: 1800 221 4444

Web: www.sos.org.sg

(3) Singapore Anti-Narcotics Association Hotline

Untuk pesalah dadah, keluarga mereka dan juga orang awam

Tel: 1800 733 4444

Web: www.sana.org.sg

Untuk mendapatkan nombor telefon talian penting dan maklumat lanjut di mana anda boleh mendapatkan bantuan, sila layari laman web Majlis Perkhidmatan Sosial Kebangsaan www.ncss.gov.sg

BAB 12

CONTOH BORANG

BAB 12

CONTOH BORANG

BORANG 66: NOTIS RAYUAN (KE ATAS HUKUMAN/SABITAN)

BORANG 66

**NOTIS RAYUAN
(SEKSYEN-SEKSYEN 374 KE 377)**

DALAM MAHKAMAH TINGGI DI REPUBLIK SINGAPURA

Rayuan Majistret No. bagi 20
Mahkamah Negara No.
No. Kes

Antara
[*Nama Perayu*].....Perayu
Dan
[*Nama Responden*].....Responden

Kepada:
Yang Arif Hakim
Mahkamah Tinggi di Singapura

NOTIS RAYUAN

Ambil Perhatian bahawa perayu yang dinamakan di atas, yang tidak berpuas hati dengan [sabitin (atau hukumannya)] [atau pembebasan atau hukuman yang dijatuhkan ke atas, responden] [atau perintah (sebutkan perintah yang dimaksudkan) yang dibuat] oleh Hakim Daerah [atau Majistret] di Mahkamah No. Mahkamah Negara pada haribulan 20 , dengan ini merayu terhadap sabitan [atau pembebasan atau hukuman atau perintah] di dalam kes yang disebutkan di atas.

Bertarikh pada haribulan 20

(Tandatangan)
Perayu

Alamat penyampaian Perayu yang dinamakan di atas adalah di

CONTOH KES PIHAK PEMBELA**DALAM MAHKAMAH TINGGI DI REPUBLIK SINGAPURA**

DAC-9xxxxxx-20xx

PENDAKWA RAYA

Lawan

JOHN DOE**KES PIHAK PEMBELA****A. PEMBELAAN TERTUDUH TERHADAP PERTUDUHAN DI BAWAH SEKSYEN 323
KANUN KESEKSAAN**

1. Tertuduh menafikan bahawa dia telah menyerang Mangsa. Mangsa yang mula-mula mendatangi dan menyerangnya. Akibatnya, tertuduh harus menolaknya sebagai tindakan mempertahankan diri. Oleh itu, sebarang kecederaan yang dikatakan dialami oleh Mangsa adalah kerana tindakannya sendiri.

B. SENARAI NAMA-NAMA SAKSI UNTUK PEMBELAAN

2. Tertuduh, John Doe.
3. Encik ABC, seorang saksi bebas yang berada di tempat kejadian.
4. Encik EFG, seorang saksi pakar perubatan untuk mencabar kecederaan yang dikatakan dialami oleh Mangsa.

C. SENARAI BAHAN KES YANG DIKEMUKAKAN DALAM PERBICARAAN

5. Laporan pakar perubatan.
6. Rakaman CCTV kejadian tersebut.

CONTOH KES PIHAK PEMBELA

**D. BANTAHAN TERHADAP SEBARANG ISU FAKTA ATAU UNDANG-UNDANG
BERKAITAN DENGAN KES PIHAK PENDAKWA**

7 Bantahan terhadap sebarang isu fakta atau undang-undang berhubung dengan segala perkara-perkara yang terkandung dalam kes Pihak Pendakwa adalah seperti berikut:-

- (a) XXX
- (b) YYY
- (c) ZZZ...

Bertarikh pada X haribulan September 20XX

(Tandatangan)

John Doe

Penafian: Penerbitan ini dibuat untuk maklumat umum sahaja dan bukan bertujuan menggantikan nasihat guaman. Anda harus rujuk kepada peguam sekiranya anda memerlukan nasihat mengenai kes anda. Pihak Mahkamah Negara tidak bertanggungjawab atas sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan terbitan ini.

Kandungan Panduan ini adalah tepat pada **1 November 2021**



Mahkamah Negara Singapura
1 Havelock Square
Singapore 059724
Tel: 6 JUSTICE (65878423)
www.judiciary.gov.sg



Pusat Keadilan Masyarakat
Basement 1
1 Havelock Square
Singapore 059724
Tel: 65574100
www.cjc.org.sg